

Jilid I
Bil. 75



Hari Isnin
1hb Disember, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop Bercuti Kerana Uzur [Ruangan 8265]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8265]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Jadual

Kepala B. 19 [Ruangan 8285]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Kepala P. 19 [Ruangan 8285]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 1hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- ” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK OON, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S., (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS. J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- Yang Berhormat TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGGU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N., (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N.' (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AW HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

YANG BERHORMAT TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP BERCUTI KERANA UZUR

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop, tidak dapat menggantikan saya di Dewan ini oleh kerana beliau sedang menjalani satu pembedahan di Klinik Dr Al-Hadi.

Oleh sebab itu, dipersetujui bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu akan menggantikan pada bila-bila saya tidak mempengerusikan Dewan ini (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AKTA TUN DATU MUSTAPHA (KEMUDAHAN KHAS 1975)

1. Tuan Oh Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Akta Tun Datu Mustapha (Kemudahan Khas 1975) di mana beliau (Tun Mustapha) akan menerima elaun bulanan sebanyak \$3,500 selepas beliau bersara dari jawatan Ketua Menteri pada 31hb Oktober, 1975 dan akta itu juga membolehkan beliau menggunakan rumah dan kereta Kerajaan, Pengawal, Setiausaha dan Polis Pengiring dan beliau juga dibenarkan mengibarkan apa juga bendera di keretanya. Samada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju bahawa akta seumpama itu tidak seharusnya diluluskan di negara ini kerana ianya membawa kesusahan kepada rakyat dan juga menggalakkan negeri-negeri lain berbuat demikian di masa akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan undang-undang yang memberikan beberapa kemudahan kepada Tun Datu Mustapha.

Perkara ini adalah dalam bidang kuasa negeri dan terpulanglah kepada kebijaksanaan Dewan Perundangan Negeri Sabah menentukannya.

MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI DARI SABAH/SARAWAK— PERLANTIKAN

2. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang hendak menambah bilangan Menteri dan Timbalan Menteri yang dilantik dari Sabah dan Sarawak. Jika ya, berapakah bilangannya bagi Sabah dan berapa pula bagi Sarawak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya tidak ada cadangan untuk menambah bilangan anggota Kabinet.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak dapat membenarkan soalan Nombor 3 atas nama Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai oleh kerana perkara ini ada di dalam pertimbangan Mahkamah.

(*Soalan No. 3 dalam Pertimbangan Mahkamah*)

LAWATAN PERDANA MENTERI KE NEW ZEALAND/AUSTRALIA

4. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke New Zealand dan Australia dari segi ekonomi, politik dan keselamatan serantau.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan saya ke New Zealand dan Australia, saya dapat berbincang dengan pemimpin-pemimpin kedua-dua negara tersebut serta mendapat persefahaman dan jaminan dari mereka mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dalam bidang ekonomi, politik dan juga keselamatan serantau.

Mengenai ekonomi, saya dan pemimpin-pemimpin New Zealand dan Australia berasa puas hati dengan perkembangan perdagangan yang pesat di antara Malaysia dengan New Zealand dan Australia dan saya telah mendapat jaminan mereka untuk memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Harapan bagi menambahkan lagi perdagangan sangatlah menggalakkan

dengan bertambahnya perbagaian eksport Malaysia ke New Zealand dan dengan kejayaan Pamiran Perindustrian New Zealand yang pertama di Kuala Lumpur pada bulan Mei, 1975. Kerajaan New Zealand telah bersetuju untuk memberi bantuan kepada kita dalam memajukan perusahaan memproses kayu balak dan juga ternakan lembu.

Selain dari itu, Australia Selatan telah juga bersetuju mengadakan projek bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam perusahaan perkayuan, alat-alat komputer dan juga air buah-buahan (fruit juice).

Dalam bidang politik dan keselamatan serantau, saya sangat berpuashati dengan kesediaan mereka untuk mencari jalan bagi meluaskan kerjasama dalam bidang-bidang kepentingan bersama. Kami juga bersetuju perubahan suasana politik yang melibatkan keselamatan dan pembangunan di rantau Asia Tenggara-Pacific dapat menimbulkan harapan tercapainya objektif menjadikan Asia Tenggara sebagai "Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali" menurut Pengisytiharan Kuala Lumpur. Pemimpin-pemimpin New Zealand dan Australia telah juga memberi jaminan mengenai tanggungjawab mereka masing-masing kepada Peraturan Pertahanan Lima Negara serta kepentingannya sebagai asas perhubungan dan kerjasama antara negara-negara ahli.

GAJI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN—CADANGAN DIPOTONG 5%

5. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan samada pemotongan gaji sebanyak 5% ke atas gaji Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang bergaji beribu-ribu ke atas itu akan dibuat juga kepada gaji Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai Badan-badan Berkanun atau seluruh kakitangan Kerajaan yang bergaji \$1,000 dan lebih dan apakah ada cara-cara lain bagi mengurangkan tekanan inflasi umpamanya tidak akan membelanjakan wang negara untuk projek-projek "prestige" dan projek-projek "non-productive".

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak memotong gaji pegawai-pegawai dalam perkhidmatan

Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan kuasa-kuasa tempatan seperti yang dilakukan kepada Menteri-menteri. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan telahpun menggantungkan pembayaran bonos buat sementara waktu bagi pegawai-pegawai yang bergaji \$1,001 ke atas. Oleh itu, Kerajaan tidak hendak memberatkan lagi pengorbanan mereka.

Bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, terutama sekali perbelanjaan berulang (current expenditure) seperti mengawal pengisian jawatan-jawatan kosong, mengurangkan perbelanjaan perayaan serta keraian dan juga menanggukkan pelaksanaan projek-projek yang tidak difikirkan mustahak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai soalan bahagian yang kedua mengenai cara-cara lain bagi mengurangkan tekanan inflasi ini, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa seruannya kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk berjimat-cermat tidak akan berhasil sekiranya Badan-badan Berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan atau Kerajaan-kerajaan Negeri terus membuat perbelanjaan yang tidak productive seperti dilakukan di Negeri Melaka di mana akan membina satu kediaman rasmi untuk Ketua Menteri yang akan berharga dekat \$1 juta. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membolehkan semua Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menjalankan kempen-kempen jimat-cermat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan dahulu kita telah memberitahu Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun supaya mengambil langkah berjimat-cermat dalam keadaan kemerosotan ekonomi ini dan bagi Badan-badan Berkanun kita akan menghantar pegawai-pegawai untuk menyiasat supaya mereka itu mematuhi perintah yang dijalankan.

Bagi Kerajaan Negeri kita sebenarnya tidak ada kuasa hendak menegah mereka itu menjalankan apa-apa juga rancangan-rancangan yang difikirkan perlu. Berkenaan

dengan rancangan membina rumah Ketua Menteri itu saya fikir perkara ini dijalankan sebelum perintah ini dikeluarkan.

PEKERJA-PEKERJA LOMBONG BIJIH DIBERHENTIKAN

6. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberikan bilangan dan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja lombong bijih yang di berhentikan kerja kerana lombong-lombong tersebut ditutup dan samada Kementerian dapat meringankan kesusahan mereka dengan memberikan tanah kawasan lombong yang ditutup itu kepada mereka untuk mendirikan rumah dan bercucuk-tanam.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian saya bagi tahun 1975 lebih kurang 130 orang pekerja-pekerja lombong bijih telah diberhentikan kerja dalam bulan Julai 1975 akibat penutupan sebuah lombong bijih. Telah juga dibawa ke perhatian Kementerian saya bahawa sejumlah 141 orang pekerja telah diberhentikan pada akhir bulan November, 1975 iaitu pada hari kelmarin oleh kerana sebuah lagi lombong telah ditutup. Mengenai tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja tersebut tidaklah munasabah bagi saya memberikan butir-butir satu persatu mengenai tempoh-tempoh perkhidmatan tiap-tiap pekerja itu kerana mereka masing-masing mempunyai tempoh perkhidmatan yang berlainan di antara satu sama lain.

Mengenai perkara pembahagian tanah bagi perumahan dan untuk bercucuk-tanam, tiap-tiap satu kes itu hendaklah terlebih dahulu ditimbang mengikut merit oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan kerana semua bekas-bekas tanah perlombongan adalah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri apabila tamat tempoh perjanjiannya. Perumahan bagi pekerja-pekerja lombong perlu dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada dasar perumahan Kerajaan dan keperluan ada termasuk dalam rancangan perumahan bagi pekerja-pekerja.

PERUNTUKAN WANG PEMBINAAN JALAN DI SARAWAK

7. Tuan Abit anak Angkin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau akan memperuntukkan lebih

banyak wang kepada Sarawak untuk pembinaan jalan, khususnya, di dalam kawasan-kawasan pedalaman seperti Kapit memandangkan kesukaran menghubungi pedalaman dan pengangkutan hasil desa.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi matlamat Kerajaan untuk memberikan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-raya di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Khususnya di kawasan-kawasan pedalaman seperti Kapit, cadangan telahpun dimajukan untuk Bahagian-bahagian ke Enam dan ke Tujuh di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

BANK DI PARIT—MENUBUHKAN

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Parit tidak mempunyai kemudahan-kemudahan bank di mana penduduknya berjumlah 65,000 terdiri daripada kaum tani dan pekebun-pekebun kecil, dan jika ya, nyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan sebuah bank di sana jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat akan dapat mengingati bahawa saya telahpun menjawab satu soalan yang sama yang telah dikemukakan olehnya mengenai perkara ini pada 8hb April tahun ini. Saya telahpun memberitahunya pada ketika itu bahawa bandar Parit adalah termasuk di dalam program perkembangan cabang salah satu bank perdagangan yang telah tertubuh di Malaysia dan oleh itu hanya masa sahaja yang akan menentukan sebelum kemudahan-kemudahan bank boleh didapati di kawasan itu.

GERILA-GERILA KOMINIS DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

9. Tuan Farn Seong Than (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan gerila-gerila komunis yang berada di sempadan Malaysia/Thailand dan samada mereka dilengkapi dengan senjata-senjata yang moden (sophisticated).

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, bilangan gerila komunis yang kita tahu bergerak di sempadan Malaysia/Thailand ialah 2,054. Kita mendapat bukti bahawa gerila komunis itu menggunakan senjata moden, seperti M. 16 rifle.

PELABUHAN TANJONG MANI DI SARAWAK—PEMBINAAN

10. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan Pelabuhan Tanjong Mani di Sarawak, jika ya, bilakah pembinaan akan dimulakan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan sebuah pelabuhan di Tanjong Mani, Sarawak adalah termasuk di dalam satu kajian Rajang Tiga Segi yang dicadangkan. Kajian tersebut masih dalam pertimbangan.

JAWATANKUASA PENYEMAKAN PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN

11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Penyemakan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah dibentuk oleh beliau baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Jawatankuasa Kabinet Pelaksanaan Dasar Pelajaran sedang meneliti laporan-laporan beberapa Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah mengkaji memorandum-memorandum yang diterima. Apabila ini selesai nanti, penulisan laporan Jawatankuasa Kabinet ini akan dimulakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Hee Tien Lai.

(Soalan No. 12, Y.B. Dr Hee Tien Lai tidak hadir).

TIMUR TENGAH—LANGKAH MENDAPATKAN PETRO-DOLLARS

13. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang kepada pentingnya Timur Tengah sebagai sebuah pasaran eksport yang stabil, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mendapat “petrodollars” bagi rancangan perusahaan terutama barangan untuk eksport.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Asia Barat adalah diakui sebagai di antara pasaran-pasaran eksport barang-barang Malaysia dan juga sebagai suatu sumber modal untuk pelaburan perindustrian yang penting. Di dalam memperolehi kemungkinan-kemungkinan tersebut suatu misi telah dihantar ke Asia Barat dalam bulan April, 1974 dan diikuti pula oleh suatu misi perdagangan yang lain di antara 24hb Oktober hingga 18hb November, 1974 serta suatu pameran perdagangan di Jeddah dalam bulan Mac, 1975 di mana wakil-wakil daripada Kementerian ini turut mengambil bahagian. Langkah-langkah ini telah membuka peluang ke arah pembentukan hubungan secara langsung dengan agensi-agensi pelaburan di-biayai oleh Kerajaan dan pelabur-pelabur swasta. Berikutnya misi-misi daripada negara-negara Asia Barat telah datang ke Malaysia membincangkan kemungkinan-kemungkinan menubuhkan projek-projek usahasama samada dengan Kerajaan Pusat mahupun dengan agensi-agensi Kerajaan negeri. Untuk memudahkan lagi kemasukan pelaburan modal itu MADF (Malaysia Arab Development Finance) telah ditubuhkan. Syarikat ini akan menyediakan bantuan-bantuan kewangan kepada projek-projek perindustrian dan lain-lain projek pembangunan. Kajian-kajian kemungkinan bagi pengilangan keluaran-keluaran yang berasaskan getah, bahan-bahan makanan dan minyak masak adalah di peringkat akhir untuk disiapkan. Bahan-bahan tersebut didapati sesuai untuk projek usahasama di antara Malaysia dengan pelabur-pelabur Asia Barat.

Kementerian saya juga telah memberi keutamaan kepada keluaran bahan-bahan mentah untuk galakan-galakan pelaburan kepada pelabur-pelabur Asia Barat. Adalah menjadi tujuan Kementerian ini untuk

menyalurkan kajian-kajian kemungkinan tersebut kepada pelabur-pelabur di Asia Barat yang berminat melalui Pejabat-pejabat Pesuruhannya Tinggi dan Pegawai-pegawai Pesuruhannya Perdagangan kita di negara-negara tersebut.

Adalah menjadi harapan Kerajaan sekurang-kurangnya sejumlah projek-projek usahaan pelabur-pelabur di Asia Barat dengan di Malaysia untuk didirikan di negeri ini.

FAMA—PEMASARAN HASIL-HASIL BUKU HIJAU

14. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah jaminan positif yang diberikan oleh FAMA berkenaan pemasaran hasil-hasil pertanian dari pengeluaran tanaman rancangan Buku Hijau.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama rancangan Buku Hijau ialah untuk menentukan rakyat berbudi kepada bumi dan mengusahakan tanah dengan sepenuhnya dengan menanam tanaman-tanaman jangka pendek untuk keperluan keluarganya sendiri, dengan ini dapat mengurangkan perbelanjaan sehari-hari sebagai langkah jimat-cermat. Walaupun demikian, maklumat-maklumat tentang jenis tanaman dan banyaknya patut ditanam yang difikirkan mempunyai pasaran baik adalah diberi oleh FAMA kepada petani-petani melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Daerah menyampaikan kepada Jawatankuasa Kampung dan seterusnya kepada petani-petani di sebuah kampung itu. Hanya hasil-hasil pertanian yang dinasihatkan oleh FAMA sahaja yang dapat diberikan jaminan pemasarannya.

BANJIR DI JALANRAYA MATANG—PORT WELD

15. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang kejadian banjir yang sering berlaku di jalanraya Matang-Port Weld, dan jika ya, bilakah jalanraya ini yang telah menjadi bertambah buruk dalam beberapa tahun dulu akan diperbaiki.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama telahpun dikemukakan di Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat itu ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1976 dan saya telahpun menjelaskannya pada 20-11-75. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang telah saya jelaskan dulu bahawa langkah-langkah jangka pendek seperti pembinaan semula batas (bund) dan memperbaiki bahagian-bahagian jalan yang rosak adalah sentiasa dijalankan oleh JKR Negeri Perak. Sementara itu cadangan untuk meninggikan kawasan jalan yang dilanda banjir itu telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk dipertimbangkan.

HOSPITAL DI SUNGAI SIPUT

16. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah sebuah hospital luar bandar akan dibina di Sungai Siput.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah bersetuju mengadakan Hospital di Sungai Siput dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek cadangan bagi Rancangan Malaysia Ketiga sedang dalam pertimbangan Kerajaan. Dengan yang demikian jadual pembinaannya bergantung kepada bilamana wang peruntukan disediakan.

AKAUN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH—JURU ODIT

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) kebaikan dan keburukannya amalan akaun Sekolah-sekolah Rendah diudit oleh Juru Odit Kerajaan (Kementerian Pelajaran), sementara akaun Sekolah-sekolah Menengah boleh diudit oleh Juru Odit Luar;
- (b) samada sehingga saat ini peraturan ini masih diamalkan;
- (c) anggaran kasar jumlah tahunan peruntukan wang bagi sesebuah sekolah termasuk P.E. (Gaji) OCAR dan lain-lain bagi jenis-jenis sekolah di bawah ini:
 - (i) Sekolah Rendah Gred B (500 orang murid)
 - (ii) Sekolah Menengah Rendah (400 " ")

- (iii) Sekolah Menengah (500 orang murid)
 (iv) Sekolah Menengah Sains (500 „ „)

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akaun sekolah-sekolah telah mula diodit pada tahun 1962 iaitu sejak penguat-kuasaan Akta Pelajaran, 1961. Sejak masa itu, akaun sekolah-sekolah rendah adalah diodit oleh Oditor-oditor Sekolah, Kementerian Pelajaran dan akaun sekolah-sekolah menengah diodit oleh Oditor-oditor Swasta yang telah dibenarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Oditor-oditor Kementerian Pelajaran bukan sahaja menjalankan kerja mengodit tetapi mereka terpaksa memberi nasihat kepada guru besar-guru besar mengenai perakaunan kewangan sekolah. Unit Odit Sekolah di Kementerian Pelajaran sedang menghadapi kesulitan untuk menyelesaikan pengoditan atas akaun-akaun sekolah rendah oleh kerana Unit ini sangat kekurangan kakitangan.

Bagi Sekolah-sekolah Menengah yang mana akaunnya diodit oleh Oditor-oditor Swasta, pihak Kementerian Pelajaran tidak dapat memastikan mutu pengoditan yang dijalankan oleh Oditor-oditor Swasta itu. Ini adalah oleh kerana kebanyakan mereka tidak memberi laporan panjang terhadap pengoditan atas sesuatu akaun. Penyata-penyata akaun yang telah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran oleh Guru Besar-guru besar Sekolah Menengah adalah disemak oleh pihak Ketua Akauntan/Pengarah Pelajaran dan keterangan lanjut adalah diminta, jika perlu. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, pihak Ketua Akauntan telah memberitahu Oditor-oditor Swasta yang dibenarkan mengodit akaun-akaun sesuatu sekolah menengah, bahawa pihak Kementerian Pelajaran berkehendakkan laporan panjang atas pengoditan yang telah dijalankan. Dengan cara ini, pihak Kementerian Pelajaran harap akan dapat mengetahui samada pengoditan itu telah dijalankan dengan memuaskan atau tidak.

Mengenai Sekolah-sekolah Menengah Berasrama Penuh adalah dimaklumkan bahawa mulai tahun 1974, akaun

sekolah-sekolah yang berkenaan diodit oleh Oditor-oditor Kementerian Pelajaran tetapi buat masa ini Unit Sekolah di Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk menjalankan pengoditan atas akaun-akaun Sekolah Menengah yang lain.

- (b) Ya, sehingga saat ini peraturan ini masih diamalkan.
 (c) Anggaran kasar jumlah tahunan peruntukan wang bagi sesebuah sekolah termasuk P.E. (Gaji) OCAR dan lain-lain bagi jenis-jenis sekolah di bawah ini:

Jenis Sekolah	Bilangan Murid	Peruntukan Tahunan Gaji dan lain-lain pemberian
(i) Sekolah Rendah ...	500	\$ 117,930 (1974)
(ii) Sekolah Menengah ...	500	\$ 263,820 (1974)
(iii) Sekolah Menengah Sains		\$1,164,920 (1975)

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa masih banyak akaun sekolah dalam negeri ini yang belum diodit sehingga tiga empat tahun. Apakah langkah Kementerian untuk mempercepatkan akaun itu diodit?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah saya jawab, oleh kerana kekurangan kakitangan dalam Kementerian Pelajaran dan juga pihak odit swasta tidak berapa suka mengodit akaun-akaun sekolah oleh kerana akaun-akaun sekolah leceh sedikit. (*Ketawa*). Jadi, saya hendak memberitahu inilah sebab-sebab kesulitannya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai perkara ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar ada di antara sekolah-sekolah rendah sangat lama tidak diodit akaunnya oleh kerana pegawai odit sangat kurang. Jika ya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran akan mengambil tindakan untuk menambah bilangan juruodit?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil tindakan untuk menambahkan juruodit.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Adakah Kerajaan bercadang akaun sekolah rendah akan diodit oleh Juru Odit Luar (Swasta) sebagaimana Sekolah Menengah?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan ditimbang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh kerana bekalan letrik putus di Dewan ini disebabkan Stesyen Janakuasa Pusat rosak, pihak Pemberita Perbincangan (Hansard) dan Penterjemah Serentak sukar untuk menjalankan tugasnya, maka dengan sebab itu, Dewan ini ditempokkan sehingga ada bekalan letrik.

Persidangan ditempokkan pada pukul 3.16 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JURUTERA—KEKURANGAN DI KELANTAN

18. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula kedudukan jurutera-jurutera memandangkan rancangan pembangunan Malaysia ke 3 yang akan dijalankan, oleh kerana pada masa ini negeri Kelantan kekurangan jurutera dan pihak Kementerian patut menambah lagi bilangan jurutera di negeri itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jurutera dalam hubungannya dengan beban-kerja dan keutamaan-keutamaan pembangunan adalah sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Bagi negeri Kelantan menjelang bulan April, 1975 semua kekosongan jawatan-jawatan jurutera telahpun diisikan. Selain daripada itu, tiga Jurutera Kerja Kanan telahpun diletakkan di negeri Kelantan untuk mengawasi Projek-projek Persekutuan seperti Projek Kompleks Angkatan Bersenjata di Bukit China dan projek-projek pembangunan Persekutuan yang lain. Tegasnya bilangan jurutera-jurutera dan lain-lain pegawai dan kakitangan adalah sentiasa dikaji dan akan ditambah jika perlu mengikut beban-kerja.

DATUK JAMES WONG KIM MIN— PENAHANAN

19. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Lembaga Penasihat telah mengu-
langkaji tentang penahanan Yang Berhormat

Datuk James Wong Kim Min sebagaimana yang diperlukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab pada 7hb November, 1975 yang lalu dan oleh kerana itu saya tidak berhasrat hendak menambah lagi.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan. Pada tarikh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan jawapannya belum memuaskan. Jika dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Dewan ini apakah seruan daripada Lembaga Penasihat di bawah Akta tersebut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dahulu sudah timbulkan soalan ini dan tentang samada puas hati atau tidak itu masing-masing ada ukuran sendiri dan mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d) sesuatu pertanyaan atau perbincangan yang sudah dikemukakan dalam Penggal Mesyuarat ini tidak boleh dibangkitkan lagi.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

20. Datuk Haji Shafie bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membaiki taraf pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki taraf pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Rendah adalah seperti berikut:

1. Kementerian Pelajaran menjalankan Kempen Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Kebangsaan supaya Bahasa Inggeris dapat diamalkan oleh murid-murid semasa kempen ini berjalan. Kempen ini diadakan di tiga peringkat: pada mulanya di peringkat sekolah, kemudian di peringkat daerah dan akhirnya di peringkat negeri. Semasa kempen ini berjalan, berbagai kegiatan diadakan seperti pertandingan-pertandingan—bercerita, bahas, syarahan, drama dan lain-lain lagi.

2. Kegiatan Bahasa Inggeris yang dijalankan di luar bilik darjah iaitu dengan menggalakkan penubuhan "Persatuan Bahasa Inggeris" (English Language Society) supaya berbagai kegiatan melalui Bahasa Inggeris dapat dilakukan. Selain dari itu, sekolah digalakkan mengadakan bahan-bahan bacaan tambahan sesuai dengan taraf pengetahuan dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid di Perpustakaan sekolah.
3. Kementerian Pelajaran sedang mengusahakan projek mengeluarkan bahan bacaan tambahan untuk murid-murid sekolah rendah.
4. Kementerian Pelajaran juga telah menubuhkan Unit Bahasa di Pusat Perkembangan Kurikulum, untuk merancang, menyusun dan memperkemas Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris. Ketika ini kerja-kerja menilai semula Sukatan Pelajaran sekolah rendah sedang dijalankan. Dengan ini satu bentuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang lebih berkesan dapat diatitkan. Beberapa projek penyelidikan sedang giat dijalankan dengan tujuan meninggikan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.
5. Kementerian Pelajaran juga telah membentuk satu struktur kakitangan yang professional untuk menyelarasakan pelajaran Bahasa Inggeris secara tersusun. Ini dapat dilihat dengan adanya "Pegawai Bahasa Negeri" dan kakitangan penting Bahasa Inggeris di tiap-tiap buah negeri di Semenanjung Malaysia. Mereka ini bertanggungjawab dalam menentukan segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan juga bertugas sebagai "pembimbing" kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.
6. Guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris dari masa ke masa digalakkan untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan (in-service course) khususnya untuk memperkemas lagi kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kursus-kursus ini dibahagikan kepada 4 jenis, iaitu Daerah, Maktab Perguruan Bahasa, Universiti

Malaya, Kuala Lumpur dan juga luar negeri seperti Singapura, New Zealand, Australia dan United Kingdom.

7. Peruntukan masa dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah kebangsaan, telah ditambahkan menjadi 300 minit seminggu.
8. Bersama sukatan pelajaran Bahasa Inggeris untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan terdapat juga 3 buah buku panduan mengajar bagi guru-guru. Ini membolehkan guru-guru mengajar murid-murid dengan cara yang lebih teratur dan juga berkesan.
9. Dengan kerjasama Biro Buku-buku Teks, Yunit Bahasa di Kementerian Pelajaran telah dan akan mengadakan rundingan-rundingan dengan pengeluaran-pengeluaran buku-buku teks dan bacaan tambahan berhubung dengan cara-cara memperbaiki lagi mutu buku-buku Bahasa Inggeris yang kini dibesarkan.

Pada umumnya saya ingin menegaskan bahawa penguasaan bahasa yang bukan bahasa ibunda tidak mungkin tercapai semata-mata dengan mempelajari di sekolah sahaja. Penguasaannya bergantung kepada kemahiran menggunakannya dan ini juga boleh berlaku jika murid-murid mengikut desakan supaya mereka sekurang-kurangnya membaca buku atau majallah atau akhbar Inggeris tiap-tiap hari atau seberapa kerap yang boleh. Jika ini dibuat, kecapaian mereka tetap akan meningkat.

LESEN TEKSI KEPADA PARTI POLITIK

21. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan jumlah lesen teksi yang telah diberikan kepada parti-parti politik sejak lima belas (15) tahun yang lalu:

- (a) UMNO;
- (b) M.C.A.; dan
- (c) M.I.C.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diberitahu di Dewan ini pada 12-11-1975 ketika menjawab Pertanyaan Mulut oleh Yang Berhormat dari Beruas, tidak ada lesen-lesen teksi telah dikeluarkan oleh

Lembaga Pelesenan di Kementerian saya di atas nama-nama parti-parti politik, baik UMNO, M.C.A., M.I.C. dan lain-lain.

**MUHAMMAD ALI/JOE BUGNER—
CUKAI-CUKAI HIBURAN DAN
PENDAPATAN**

22. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa cukai hiburan dan pendapatan dipungut oleh Kerajaan dari Belia UMNO dan/atau Tinju Dunia berkenaan perlawanan tinju antara Muhammad Ali dan Joe Bugner. Jika tiada, mengapa; dan
- (b) adakah Kerajaan memungut cukai pendapatan dari Muhammad Ali dan Joe Bugner berkenaan dengan perlawanan mereka. Jika tidak, mengapa dan jika ada, berapa banyak.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cukai pendapatan atau duti hiburan masih belum lagi dipungut dari Tinju Dunia Sendirian Berhad. Mengenai cukai pendapatan, oleh kerana perlawanan tinju itu telah diadakan dalam tahun 1975, pendapatan yang diperolehi oleh Syarikat itu akan ditaksirkan dalam tahun taksiran 1976, dan untuk tujuan ini, borang penyata akan dikeluarkan dalam bulan Februari, 1976. Apabila borang dan akaun-akaun itu diterima nanti, tanggungan cukai akan ditentukan, dan jika ada apa-apa cukai yang kena dibayar, cukai itu akan ditaksirkan dan dipungut. Mengenai duti hiburan pula, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya kepada soalan mengenai perkara yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga di Dewan ini pada 7hb Julai, 1975, permohonan yang telah dibuat oleh Tinju Dunia Sendirian Berhad untuk mendapatkan pengecualian dari bayaran duti hiburan akan dipertimbangkan selepas Syarikat itu mengemukakan akaun-akaun oditnya dan samada Syarikat tersebut telah mengalami kerugian. Oleh kerana Syarikat tersebut

belum lagi mengemukakan akaun-akaun oditnya, Perbendaharaan belum lagi dapat menentukan samada Syarikat tersebut telah membuat keuntungan atau mengalami kerugian.

- (b) Mengenai bahagian kedua pada soalan itu pula, saya telah juga memperkatakan dalam jawapan yang telah saya buat di Dewan ini pada 7hb Julai, 1975 bahawa mengikut perjanjian yang dibuat di antara Tinju Dunia dengan Muhammad Ali dan Joe Bugner, tanggungan-tanggungan cukai pendapatan kedua-dua ahli tinju itu akan ditanggung dan dibayar oleh Syarikat itu. Seterusnya, permohonan yang dibuat oleh Syarikat itu untuk mendapatkan pengecualian dari bayaran cukai pendapatan oleh kedua-dua ahli tinju itu akan dipertimbangkan setelah Syarikat itu mengemukakan akaun oditnya dan samada Syarikat itu telah menanggung kerugian sebagaimana yang telah saya katakan tadi, samada atau tidak Syarikat tersebut telah menanggung kerugian hanya akan dapat diketahui apabila akaun-akaunnya telah diselesaikan dan dikemukakan oleh Syarikat itu kepada Perbendaharaan.

GURU BESAR—LANTIKAN

23. Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa buah sekolah yang masih belum lagi dilantik Guru Besarnya; dan
- (b) samada keadaan seperti ini akan melibatkan disiplin sekolah disebabkan kurang keyakinan Guru-guru Penolong, murid-murid dan Ibubapa terhadap Guru yang mengambil alih secara sementara.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat 387 buah Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia yang belum lagi dilantik Guru Besar yang tetap.
- (b) Tidak. Semua sekolah yang belum dilantik Guru Besar, tetapi mempunyai guru kanan sebagai pemangku Guru Besar yang mempunyai kuasa penuh sebagai Guru Besar.

CUTI AM NEGERI-NEGERI— MENYATUKAN

24. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menyamakan hari cuti am bagi semua Negeri-negeri di Negara ini pada hari Jumaat, jika tidak, mengapa beliau meneruskan keadaan sekarang yang mana satu kumpulan Negeri-negeri diberi cuti kelepasan umum pada hari Jumaat dan satu kumpulan negeri lagi diberi cuti am pada hari Ahad.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang sama dalam sidang Dewan ini pada 29hb Oktober yang lalu semasa menjawab Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

Kerajaan tidak dapat hendak menyamakan hari cuti bagi negeri-negeri di Negara ini kerana difikirkan cuti hari Ahad bagi Kerajaan Pusat adalah lebih menafaat dari segi perhubungan perdagangan dengan negara-negara luar.

TANGGAGAJI JURUTERA-JURUTERA PERANCANG BANDAR— MENGKAJI SEMULA

25. Tuan Wee Ho Soon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengkaji semula tanggagaji bagi Jurutera-jurutera Perancang-perancang Bandar dan lain-lain untuk menyelesaikan masalah kekurangan sangat kakitangan-kakitangan teknikal.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melantik Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali untuk mengkaji semula dan menyelaraskan semua perakuan Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji sebelumnya. Perkara mengkaji semula dan membuat syor-syor mengenai tanggagaji jawatan Jurutera-jurutera dan Perancang-perancang Bandar serta lain-lain jawatan ikhtisas adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali itu.

EKONOMI NEGARA DI TANGAN SYARIKAT-SYARIKAT LUAR NEGERI

26. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan berapa persenkah ekonomi kita dalam tangan syarikat-syarikat luar negeri. Tidakkah

merbahaya ekonomi kita dikuasai oleh syarikat-syarikat berbagai bangsa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keterangan dan statistik mengenai hak milik dan juga pengurusan (atau control) dalam ekonomi Malaysia terdapat dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Kedua Rancangan Malaysia Kedua. Adalah didapati syarikat-syarikat asing memiliki kira-kira 61% (atau \$3,208 juta) dari jumlah saham modal syarikat-syarikat berhad (corporate sector) di Semenanjung Malaysia, iaitu sebanyak \$5,289 juta. Warganegara Malaysia memiliki bakinya iaitu 39%.

Kerajaan memang sedar tentang keadaan tidak seimbang dalam pemilikan harta di antara syarikat-syarikat asing dengan rakyat Malaysia sendiri. Atas kesedaran inilah Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk menggubal garis-garis panduan dasar mengenai pelaburan asing bagi semua sektor ekonomi untuk menjamin tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah agar rakyat Malaysia memiliki 70% daripada harta-harta syarikat berhad menjelang tahun 1990. Inilah sebenarnya asas kepada segala usaha pembangunan kita dan syarikat-syarikat asing, samada multi-national atau lain-lain nampaknya bersimpati dengan aspirasi rakyat Malaysia untuk menguasai dan mengurus kekayaan negara.

Jumlah saham modal yang dimiliki oleh pihak asing berbeda dari satu sektor ke sektor yang lain. Dalam sektor pertanian misalnya, pihak asing memiliki 75% dan di sektor galian 72% daripada jumlah saham modal syarikat-syarikat berhad (corporate sector). Bagi sektor perkilangan pula, pihak asing memiliki 59%. Statistik yang ada mencerminkan kedudukan dalam tahun 1970 tetapi keadaan ini telah berubah sekarang oleh kerana pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 adalah di bawah ini).

PEKEDAI DIDAKWA DI MAHKAMAH

12. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan pekedai-pekedai yang telah didakwa di Mahkamah di bawah Akta Menyorok Barang-barang Kawalan bagi 11 bulan yang lalu; dan

- (b) berikan butir-butir tentang jenis perniagaan yang dikatakan berlaku bagi tiap-tiap negeri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Dalam tempoh 11 bulan yang lalu hingga 28-11-1975, bilangan pekedai-pekedai yang telah didakwa di mahkamah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 di bawah mana Kempen Anti-Sorok dilancarkan ialah 25. Sebilangan 24 pekedai lagi belum lagi didakwa kerana penyiasatan belum lagi selesai.
- (b) Soalan ini tidak begitu jelas dan saya tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBEKALAN, 1976**

**DAN
USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
SEMENTARA, 1976**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28hb November, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkeruskannya Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Waktu Majlis ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sedang mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementeriannya iaitu Perbekalan Kepala B. 19 dan Anggaran Pembangunan P. 19.

Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung ucapannya.

Kepala B. 19 (Jadual)—

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menyambung ucapan Belanjawan Tahun, 1976 Kementerian Perusahaan Utama. Jumlah Anggaran Pembangunan yang diperlukan bagi tahun 1976 adalah sebanyak \$32,997,339. Jumlah ini adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti berikut:

(i) Rancangan Tanaman Semula Getah Kerajaan di bawah RISDA	\$ 8,961,739.00
(ii) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Sendirian Berhad (MARDEC)	\$22,364,000.00
(iii) Rancangan Penanam Semula Nenas	\$ 391,600.00
(iv) Lembaga Tembakau Negara	\$ 280,000.00
(v) Penanaman Semula Getah Sarawak	\$ 500,000.00
(vi) Penanaman Semula Getah Sabah	\$ 500,000.00

Tuan Pengerusi, mengenai Rancangan Tanaman Semula Getah pula, ada 3 buah rancangan yang ditadbirkan oleh Lembaga-lembaga Pentadbiran Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah yang sekarang dikelola oleh RISDA, iaitu Rancangan No. 1, Rancangan No. 2, dan Rancangan No. 3. Peruntukan yang diminta untuk rancangan-rancangan ini bagi tahun 1976 adalah berjumlah \$8,961,739.00 seperti berikut:

(i) Rancangan No. 1 ...	\$10.00 peruntukan Isyarat.
(ii) Rancangan No. 2 ...	\$10.00 peruntukan Isyarat.
(iii) Rancangan No. 3 ...	\$8,961,719

Oleh sebab beberapa kesulitan yang tidak dapat diselesaikan pihak RISDA tidak dapat menentu dengan tepatnya peruntukan yang dikehendaki bagi Rancangan No. 1 dan No. 2. Oleh itu hanya peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja yang minta bagi tahun 1976. Walau bagaimanapun sekiranya masalah-masalah yang berkenaan telah dapat diselesaikan kelak, peruntukan tambahan akan dikemukakan untuk pertimbangan Dewan kemudiannya.

Peruntukan sebanyak \$8,961,719 bagi Rancangan No. 3 adalah dikehendaki bagi meneruskan projek-projek yang telah dimulakan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua dahulu.

Tuan Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia atau MARDEC adalah memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$22,364,000 iaitu \$500,000 dalam bentuk saham, dan \$21,864,000 dalam bentuk pinjaman. Peruntukan-peruntukan ini adalah bagi membiayai rancangan-rancangan yang berikut:

- (a) Latihan kakitangan bagi projek-projek pembangunan sebanyak \$500,000;
- (b) Penanaman Modal usaha bersama dengan pihak swasta di dalam beberapa jenis perusahaan sebanyak \$7,174,000 dan
- (c) Modal Pusingan untuk kilang S.M.R. sebanyak \$14,690,000.

Bagi tahun 1976 Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu memerlukan Peruntukan Pembangunan sebanyak \$391,600. Peruntukan ini adalah untuk perbelanjaan pengurusan sahaja.

Lembaga Tembakau Negara memerlukan Peruntukan Pembangunan bagi tahun 1976 sebanyak \$280,000. Peruntukan ini ialah untuk perbelanjaan pengurusan.

Peruntukan sebanyak \$500,000 adalah dikehendaki bagi membiayai subsidi yang terakhir di atas tanaman semula getah Sarawak yang telah dimulakan dalam tahun 1972. Peruntukan sebanyak \$500,000 juga adalah dikehendaki sebagai pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi Rancangan Tanaman Semula Getah yang dijalankan oleh Lembaga Tabung Getah Sabah.

Tuan Pengerusi, saya mohon Peruntukan Belanja Mengurus bagi tahun 1976 bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu sebanyak \$2,657,000 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang Perbekalan 1976, dan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun yang sama sebanyak \$32,997,339 diluluskan.

4.22 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh di atas Kementerian Perusahaan Utama yang memohon peruntukan sebanyak \$35,654,339—saya ingin menyentuh Kepala Bekalan 19, Pecahan-kepala 2300. Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut berkenaan dengan getah. Pemasaran getah yang ada di

negara kita ini sangat-sangat dialu-alukan. Sesudah sahaja Jawatankuasa Penstabilan Harga Getah Antarabangsa ditubuhkan, jawatankuasa ini telahpun menjalankan usaha-usaha supaya harga getah yang jatuh sehingga 29hb November tahun sudah sebanyak 39 sen sekilo berakhir pada 9hb November, 1974 dahulu dengan usaha-usaha yang telah dibuat oleh jawatankuasa ini mendapat pasaran getah berharga \$1.44 sekilo, dan akhir ini pada tahun 1975 dengan harga \$1.25 hingga \$1.35. Saya berharap dengan usaha-usaha yang ada ini mudah-mudahan harga getah dapat naik daripada yang ada dan pekebun-pekebun kecil dapat menikmati harga getah yang telah ditentukan itu. Ini ialah kerana usaha-usaha yang telah dibuat daripada negara-negara di dalam ASEAN.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan di atas usaha Kementerian ini menubuhkan Sekim Stok Penimbal Getah yang akan dilancarkan pada akhir tahun ini ataupun pada awal tahun hadapan, mudah-mudahan dengan adanya sekim stok ini harga getah kita tidak akan turun lagi dan tidak akan menerima nasib seperti mana yang sudah-sudah.

Berkenaan dengan Yunit Pusat Pembelian Getah yakni rancangan kilat yang telah dibuat oleh RISDA, RRIM itu sangat-sangat dialu-alukan. Sehingga setakat ini pekebun-pekebun kecil yang ada di seluruh negara khususnya di kawasan getah mendapati harga getah ini tidak lagi dipermainkan oleh pihak-pihak orang-tengah dan diharap Kementerian ini akan dapat meneruskan Yunit Pusat Pemberian Getah ini melalui RISDA ataupun RRIM dan jika perlu dapat pula Kementerian ini membuat beberapa pusat yang lebih besar daripada yang ada sekarang.

Berkenaan dengan RISDA, Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan kerana dapat menghadiri sebuah kem yang diusahakan oleh Kementerian ini untuk melatih pegawai-pegawai RISDA dengan cara kem yakni mereka itu dapat dikumpulkan ke tempat pekebun-pekebun kecil dan didapati usaha-usaha ini mendapat kejayaan. Diharap bukan sahaja RISDA bahkan bahagian-bahagian lain juga di dalam Kementerian ini dapat mengikuti sebagaimana kem yang telah dibuat oleh RISDA tersebut. Mudah-mudahan dengan cara yang ada ini keadaan getah kita dapat dibaiki dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan Pecahan-kepala 2300 juga, saya ingin menyebutkan sedikit-sebanyak berkenaan dengan bijih timah. Bijih timah yang ada di negara kita ini yang sudah melibatkan diri dalam sesi-sesi Majlis Timah Antarabangsa di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keempat dahulu didapati masih lagi kita berada di dalam keadaan membimbangkan berkenaan dengan harga bijih timah—kestabilan harga bijih timah pada masa akan datang. Untuk itu, Jawatankuasa Persediaan untuk Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa yang telah diadakan pada 20hb Mei hingga 20hb Jun, 1975 telahpun berusaha supaya keadaan timah kita ini khasnya bagi antarabangsa menjadikan satu keadaan yang lebih baik yakni sekurang-kurangnya keadaan ini dapat dibaiki lagi daripada yang sudah-sudah. Oleh itu, apabila sahaja ada berita yakni tindakan baharu Perkhidmatan Pentadbiran Awam negara Amerika Syarikat ataupun G.S.A. yang mengatakan 100,000 tan bijih timah yang ada di Amerika akan diminta kebenaran Kongres untuk dijual yakni sekiranya Kongres Negara Amerika meluluskan akan mengancam pasaran timah dunia Khasnya Malaysia. Oleh itu, melalui Dewan ini saya ingin menyeru kepada Kerajaan Amerika Syarikat sebelum Kongres ini meluluskan dapatlah mereka ini memahami betul-betul khasnya kedudukan negara kita Malaysia yang sedang membangun.

Pada tahun 1974 satu daripada cara hendak meninggikan harga getah maka yang dibuat perjanjian dengan Negara-negara Asean kerana harga getah tidak dapat dikawal dan harga getah turun begitu senang akhirnya harga getah naik. Dan pada tahun 1976 ini apabila sahaja 100,000 tan yang akan dijual oleh pihak Amerika akan menyebabkan pula pasaran timah dunia dan negara kita sendiri terlibat dengan hal ini. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan yakni Kerajaan supaya sebagaimana juga cara menyelamatkan harga getah pada tahun 1974 dahulu yang sudah menjadi stebel pada masa sekarang, saya berharap juga supaya keadaan bijih timah ini dapat dikaji bagaimana hendak distabilkan seperti mana yang dibuat mengenai dengan getah. Oleh itu, saya mengalu-alukan Sekim Stok Penimbal Getah yang akan ditubuhkan dan sepertimana yang telah lalu juga Malaysia bersama-sama dengan Indonesia dan Thailand supaya harga getah ini dapat

distabilkan, dapat dinaikkan dan begitu juga diharapkan sangat-sangat kepada Malaysia yakni Kerajaan kita supaya dapat menyertai negara-negara ASEAN khasnya Indonesia dan Thailand yang mengeluarkan bijih timah seperti negara kita juga supaya dapat mencari jalan menstabilkan harga bijih timah ini dan dengan cara ini keadaan ekonomi kita tidak akan merosot ataupun tidak akan menyebabkan ekonomi kita kurang daripada yang sudah-sudah.

Penubuhan Pasaran Terminal Timah Penang yang akan ditubuhkan ini sepertimana yang saya sebutkan tadi sangat-sangat dialu-alukan. Mudah-mudahan dengan cara ini keadaan bijih timah kita sepertimana juga getah dapat bersama-sama memainkan peranan yang penting bagi memajukan ekonomi negara kita. Dan diharap sangat-sangat sepertimana yang saya sebutkan tadi bukan sahaja Amerika bahkan negara-negara lain pula dapat menyertai kita bersama supaya dapat menentukan keadaan bijih timah khasnya dapat menjadikan satu pasaran yang baik dan tidak menyebabkan negara besar lebih maju, lebih baik daripada negara kecil yang sedang membangun seperti Malaysia kita ini.

4.30 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di atas Kepala Pembangunan 19, Pecahan-kepala 2 iaitu Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC).

Tuan Pengerusi, saya sudah dengar banyak rumours berkenaan dengan MARDEC iaitu firstly, MARDEC telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan sampai sekarang sudah ada 15 factories dan di tiap-tiap tempat yang MARDEC ada tubuhkan satu factory existing rubber dealers, rubber dealers yang telah di licence untuk collecting susu getah, sekarang kita sudah terdengar MARDEC ada insist supaya existing licencees semacam ini dibatalkan lesen mereka.

Yang kedua, di mana-mana MARDEC ada tubuhkan satu factory existing SMR factory yang telah ditubuhkan sebelum MARDEC ditubuhkan, sekarang ada syarat (condition) tidak memberi peluang kepada existing SMR factory membesarkan operasinya. Dia pun ada limitation untuk collecting latex.

Tuan Pengerusi, nampak saya bukan satu cara yang sangat sesuai sebab ini contravene proviso yang berasas di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu memberi sesuatu sense of deprivation kepada existing SMR factories dan juga existing rubber dealers yang ada lesen collecting susu getah.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya a few questions. Saya mohon izin hendak campur sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Kalau tentang bahagian teknikal itu boleh.

Dr Ling Liong Sik: Adakah atau tidak fair sesuatu agensi Kerajaan semacam MARDEC untuk contravene proviso yang asas sekali di dalam Dasar Ekonomi Baru kita, iaitu memberi sesuatu sense of deprivation kepada existing rubber dealers dan SMR factories yang lama.

Sekarang syarat-syarat yang MARDEC insist upon ialah hendak limit scope of operations of existing SMR factories which serve to make them non-viable, iaitu they also insist that rubber dealers dahulu yang ada lesen sekarang mesti dibatalkan lesen itu.

Tuan Pengerusi, cara macam ini atau syarat-syarat semacam ini saya ingat boleh create satu-satu impression of creeping nationalisation. Iaitu MARDEC akan create satu monopoly situation yang saya panggil creeping nationalization dan di Investors Conference dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memberi akuan kepada seluruh dunia iaitu ekonomi kita ialah satu free enterprise economy, the essence of which ialah competition dan sekarang dasar MARDEC ini seperti creeping nationalization.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan boleh mengkaji semula dasar dan tujuan MARDEC, bukan menggunakan MARDEC semacam satu monopoly situation tetapi semacam competitive stimulus sahaja.

Next question, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya ialah, is MARDEC efficient enough to run a monopoly? Sebab saya sudah dengar total capital MARDEC sebanyak \$40 juta dari tahun 1971 hingga sekarang, dia still in the red \$10 million dan saya pun ada dengar rumour dalam satu bulan sahaja boleh rugi dua juta ringgit.

Tuan Pengerusi, I do not think MARDEC is efficient enough to run a monopoly situation. The basis of a free enterprise economy is competition dan jika MARDEC ada create satu monopoly situation apabila existing rubber dealers cannot buy latex without any competition, siapa yang suffer? It is the smallholders who will suffer because the price will definitely go down without competition, and MARDEC, Tuan Pengerusi, must improve its competitive capabilities and also streamline its efficiency to be able to compete with existing S.M.R. factories and Government should encourage more licence holders to be able to buy latex from the smallholders so that they get a better price. Kerajaan pun mesti encourage more from the private sector to go into private S.M.R. factories so that there is this competition and it will be a much more streamlined and much more efficient system.

So yang akhir sekali, for the sake of the rubber industry di dalam Malaysia ialah the biggest most valuable industry, for the sake of the smallholders, because the price can only go down in the absence of competition, and can only go up in the presence of more competition dan for the sake of image negara kita as a free enterprise economy with no tinge of nationalisation except maybe in the petroleum industry, saya hendak mendesak Menteri yang berkenaan supaya mengkaji semula dan mengambil perhatian yang berat sekali di atas perkara ini dan saya harapkan Menteri yang berkenaan boleh menggunakan MARDEC sebagai sesuatu competitive stimulus sahaja dan bukan satu monopoly situation. Terima kasih.

4.33 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong perbelanjaan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang berjumlah \$35,654,339. Saya suka menyentuh sekaligus Kepala B. 19 dan P. 19.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempergunakan Jawatankuasa*)

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuat satu kejayaan yang besar dalam tahun ini iaitu berjaya mengadakan Stok Penimbal Getah yang dengan bersungguh-sungguh dapat meyakinkan rakyat bagaimana

Kerajaan hendak mengawal harga getah kita daripada jatuh ataupun daripada dipermainkan oleh negara-negara luar yang menyimpan stockpile yang begitu banyak, kadangkala kita terpaksa berlutut kepada mereka supaya jangan mempermainkan atau mengeluarkan stockpilenya yang menyebabkan harga getah kita jatuh. Tetapi dengan suatu usaha yang besar ini iaitu dengan mengadakan setok penimbal getah maka dapatlah kita melihat harga getah kita berjalan dengan baik dan dapat menyakinkan rakyat terutama sekali rakyat kita di luar bandar yang berjuta-juta orang bergantung kepada getah, lega sedikit mata pencariannya dan nampak harga getah itu begitu stabil lebih kurang dalam 55 sen atau 60 sen sepaun. Ini satu usaha yang boleh dibanggakan dan juga saya menyokong saudara saya tadi iaitu Ahli Yang Berhormat dari Matang yang mengatakan patut juga dibuat kepada bijih dan lain-lain perusahaan utama supaya negara kita betul-betul dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Saya suka menyentuh bahagian B. 19 pentadbiran dan juga P. 19 berkenaan dengan Penanam Semula Getah yang nampaknya melibatkan peruntukan tidak kurang daripada \$8 juta lebih. Saya suka mengingatkan iaitu dalam membelanjakan wang lebih kurang \$8 juta lebih mengenai dengan rancangan penanaman semula getah yang di bawah RISDA supaya pihak pentadbiran Kementerian ini begitu berhati-hati dan jangan lagi berlaku seperti pada masa yang lepas sebagaimana yang didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu hampir \$10 juta telah diselewengkan oleh orang-orang yang tertentu yang seolah-olah menghisap darah rakyat kampung yang tidak tahu bagaimana pentadbiran mengeluarkan wang menanam semula dan dengan itu dapat ditipu terang-terang sehingga \$10 juta. Rakyat yang hendak menanam semula tidak dapat wang. Ini menunjukkan bahawa pentadbiran Kementerian ini sendiri tidak begitu cekap menguruskan berkenaan dengan penanaman semula dapat ditipu oleh orang-orang yang suka menipu atau mengambil peluang wang yang berjuta-juta ringgit ini. Dan juga tidak mengawasi bagaimana Pejabat Tanah mengeluarkan lesen tanah lombong yang dikatakan bagi menanam getah untuk hendak mengeluarkan wang menipu Kerajaan. Bagaimana orang-orang yang memohon hendak menanam semula ini menurunkan tandatangan sahaja, tetapi tidak dapat wang. Inilah satu

perkara yang sangat mendukacitakan, sudahlah rakyat di kampung kurang pengetahuan, kurang pelajaran, tetapi ada orang-orang yang suka hendak bermain-main dan mengambil kesempatan daripada kekurangan pengalaman penduduk-penduduk kampung dengan membuat penipuan atau kecurangan seperti itu. Saya minta pentadbiran Kementerian ini tolonglah jaga pada masa akan datang supaya jangan lagi berlaku perkara seperti itu. Sebenarnya, boleh diawasi walaupun agak sukar kerana ini melibatkan wang Kerajaan dan pihak Kerajaanlah yang selalu dimarahi dan yang selalu dicemoi oleh rakyat disebabkan keadaan yang seperti ini berlaku.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah berani mendedahkan di atas kecurangan yang berjumlah sebanyak \$10 juta itu pada beberapa bulan yang lepas. Saya harap perkara itu tidak akan dibiarkan begitu sahaja tetapi mesti disiasat dengan rapi sehingga orang-orang yang terlibat itu dan yang mengambil kesempatan dari kelemahan pentadbiran itu ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Dan untuk masa akan datang mestilah pihak Kementerian ini sendiri, pihak Pejabat Tanah di negeri-negeri dan pihak pegawai yang menguruskan penanaman semula menjaga dengan rapi gerakan tiga jurusan ini. Sebab keadaan ini tidak boleh dilakukan oleh satu orang atau satu pihak. Barangkali ada orang yang memikirkan terlampau susah hendak kawal ataupun tidak ada siapa yang salah kerana orang-orang yang hendak menanam semula telah menandatangani bocer yang menandakan mereka telah menerima wang. Tetapi wang itu tidak diterimanya, jadi saya harap untuk memudahkan pengawasan ini saya berseru supaya Kementerian ini atau pihak Kerajaan mengadakan satu jawatankuasa pengawasan (*watchdog committee*) dalam bahagian RISDA atau dalam bahagian perusahaan utama yang mengandungi beberapa orang yang tertentu yang mengadakan penyiasatan apabila berlaku sesuatu permohonan menanam semula atau pun wang untuk menanam semula telah diberi kebenaran. Jalan yang pertama sekali ialah boleh diadakan satu perjumpaan yang berupa kursus kepada orang kampung dijemput orang kampung yang telah kita beri kelulusan wang menanam semula itu berkumpul setempat di Pejabat Daerah atau Pejabat Negeri supaya kita dapat bertanya, adakah

mereka telah menerima wang seperti mana yang diluluskan ataupun tanah mereka sudah dikerjakan atau belum, atau siapa yang menerima wang itu. Perkara ini tentu dapat tahu kalau sekiranya dibuat dengan cara begitu, kerana orang kampung akan bercerita: kami sudah tandatangani bocer, tetapi hanya menerima wang \$100 dan tidak menerima wang sebanyak \$8,000. Dengan cara ini sudah tentu dapat dikesan dari awal-awal lagi siapakah orang yang membuat penipuan itu. Saya harap penyiasatan dapat dijalankan supaya boleh mengurangkan penipuan ini daripada berjalan terus-menerus.

Pihak pegawai menanam semula boleh kumpulkan peserta-peserta penanam semula ini apabila wang itu sudah diluluskan, bertanya terus-terang apahal dengan tanah mereka, sudah dikerjakan atau belum, sudah dapat atau tidak wang ini, wang mereka telah diluluskan oleh pegawai sekian-sekian hari-bulan dan sila ambil wang di sini. Jadi rakyat tahu. Sekarang ini rakyat tidak tahu, tersembunyi hanya pandai-pandai pegawai yang cuba hendak mencurangkan wang itu sahaja yang dapat buat begitu. Jawatankuasa ini juga boleh menyiasat di mana tempat hendak menanam semula, sesuatu tempat yang sudah diluluskan oleh Pegawai Daerah maka Jawatankuasa tanah itu boleh pergi melihat tanah itu supaya tidak terjadi seperti pada masa yang lepas yang mana tanah lombong boleh dikatakan tempat menanam semula getah. Mengapa boleh jadi perkara seperti ini? Kalau sekiranya diawas daripada awal-awal perkara ini tidak akan berlaku. Jadi diharap di masa akan datang watchdog committee ini sangat penting, biarlah kita rugi sedikit kerana membayar elaun perjalanan committee members ini ataupun membayar elaun mesyuaratnya daripada kita hilang ditipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini berjuta-juta ringgit wang Kerajaan—wang rakyat. Siasat di manakah tanah yang sudah diluluskan untuk ditanam semula, betulkah tanah itu tanah getah, betulkah tanah itu tanah paya, atau betulkah tanah itu tanah lombong yang sudah tidak dipakai yang direkomen untuk ditanam semula, kemudian ambil wang tetapi penanaman semula tidak dijalankan. Siapa yang rugi besar, Kerajaan yang rugi besar, rakyat keciwa dan Kerajaan kena blame oleh orang ramai kerana tidak cekap menjalankan pentadbiran. Saya rasa penting dalam Kementerian ini mengadakan satu watchdog

committee yang seperti ini untuk mengawal perjalanan RISDA dalam hal penanaman semula, sebab penanaman semula ini terlibat orang kampung yang tidak begitu tahu kesah pentadbiran Kerajaan dan tidak begitu tahu bagaimana cakap-cakap pegawai yang cuba hendak menipu mereka.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka juga memberi satu pandangan berkenaan dengan Pecahan-kepala 4 P. 19 iaitu berkenaan dengan Lembaga Tembakau Negara. Mengenai perkara ini Kementerian patut menjalankan pengawasan yang teliti iaitu ada penanam-penanam tembakau atau pekebun-pekebun tembakau yang tidak puas hati, kerana tidak dibayar harga tembakau-nya betul seperti yang diarahkan oleh Kerajaan atau seperti harga yang ditetapkan. Ada pengawit-pengawit yang tidak membayar kepada mereka harga yang baik, walaupun perkara ini di luar daripada tanggungan Kerajaan atau Kementerian, sebab perkara ini adalah antara dua kumpulan yang berniaga, tetapi pihak Kerajaan juga saya minta supaya menjalankan pengawasan kalau sekiranya ada pengaduan dalam hal ini supaya tidaklah penanam-penanam tembakau itu keciwa, kerana tidak mendapat bayaran yang memuaskan dan lagi cara menggredkan nampaknya terpulanglah kepada pihak pengawit itu sendiri sahaja walaupun tembakau itu gred satu dikatanya gred tiga, manakala tembakau gred dua dikatakan gred tiga. Jadi mereka sentiasa mendapat bayaran yang sedikit dan ini menyebabkan ada penanam-penanam tembakau yang sudah begitu keciwa dan saya rasa kalau sekiranya perkara ini berlarutan, maka perusahaan tembakau kita juga akan terjejas. Ini juga saya meminta satu pengawasan yang rapi daripada Kementerian ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Getah, saya suka juga mengesyorkan seperti yang sahabat saya telah bercakap tadi iaitu Kementerian ini menjalankan penyelidikan seperti yang telah berjalan sekarang. Kita patut memberi kepujian yang tinggi kepada Pusat Penyelidikan Getah kita yang telah mengeluarkan berbagai idea berkenaan dengan getah yang menyebabkan dapat dijadikan barang-barang perusahaan yang lebih banyak lagi dan supaya negara kita kaya dengan bahan-bahan getah dan dapat diekspot keluar negeri. Ini merupakan satu punca hasil yang besar, dan usaha yang telah dibuat oleh Badan ini sungguh boleh dibanggakan dan

kami harap Badan ini akan terus menjalankan penyelidikan dari semasa ke semasa dengan lebih maju lagi.

4.52 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak memberi sedikit pandangan tentang anggaran yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai menanam semula getah yang berjumlah hanya \$500,000 daripada anggaran \$35,654,339.00. Ini saya rasa tidak senang sedikit oleh kerana anggaran yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sarawak begitu kecil jumlahnya.

Tuan Pengerusi, sepatutnya kepada Kerajaan Negeri Sarawak haruslah diberi banyak daripada itu sekurang-kurangnya \$10 juta atau \$20 juta, tetapi ini hanya diberi \$500,000 sahaja. Oleh kerana pada masa ini, Tuan Pengerusi, kami semua sedar baja yang digunakan untuk tanaman getah itu seperti baja C.I.R.P. atau Christmas Island Rock Phosphate sekarang harganya sudah naik dan mahal, demikian juga seperti ubat ulat yang menyerang tanaman getah seperti Pelomate 90 dan juga harga Dildrex 15 yang menjaga kebun getah diserang oleh anai-anai itu semuanya sudah mahal. Demikian juga ini akan menimbulkan sungutan daripada pekebun-pekebun kecil, khususnya jikalau hanya tanaman semula ini diberi untuk kepentingan segolongan kecil sahaja, bagaimana rakyat ataupun peladang-peladang lain yang ada memerlukan perkara ini tentu sekali mereka hendak mengambil kesempatan untuk turut sama dalam rancangan menanam semula ini. Oleh kerana hal yang demikian, saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat mempertimbangkan perkara ini dengan lebih teliti lagi supaya menambahkan anggaran yang begitu kecil itu supaya dapat memberi anggaran yang besar sedikit untuk keperluan rakyat di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, satu perkara saya syorkan di sini juga iaitu selepas sahaja kami sudah merdeka di dalam Malaysia dahulu rupanya Rancangan Menanam Semula Getah di negeri Sarawak tidak begitu dilancarkan oleh Pejabat Pertanian ataupun Agricultural Department. Jadi, mungkin sekarang keadaan yang begitu tidak memuaskan sentiasa dirasai oleh peladang-peladang

di luar bandar. Saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pekerja-pekerja ataupun kakitangan Agricultural Department supaya mereka lebih cenderung dan tegas untuk menasihatkan peladang-peladang sebagaimana yang dilakukan oleh penjajah dahulu. Oleh kerana dalam masa penjajah dahulu saya dapati begitu giat pegawai-pegawai Jabatan Pertanian menggalakkan petani-petani, khususnya pekebun-pekebun kecil supaya memelihara kebun mereka dan juga supaya mereka dapat mengeluarkan getah yang baik supaya mereka dapat membuat getah yang bermutu tinggi. Tetapi semua perkara ini saya dapati sekarang tidak begitu diarahkan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya menolong peladang-peladang yang duduk di luar bandar.

Begitu juga sesudah Kerajaan Pusat mengambil-alih perdagangan getah nampaknya sekarang bukan lebih baik daripada apa yang kami rasai pada ketika perdagangan getah di dalam tangan orang yang bukan orang Malaysia dahulu, tetapi tidak memuaskan daripada masa itu. Jikalau dapat daripada pihak berkenaan menyesuaikan perkara ini dengan lebih baik lagi supaya peladang-peladang khususnya pekebun-pekebun kecil yang hanya ada beberapa ekar itu mendapat hasil yang baik daripada kebun-kebun ataupun ladang-ladang mereka itu. Jika dapat Kerajaan Malaysia yang ada pada hari ini membuat ataupun menubuhkan satu badan supaya badan itu sentiasa mengambil ataupun membeli getah daripada peladang-peladang yang mempunyai ladang-ladang kecil dan juga janganlah mereka hanya dibiarkan dengan cara mereka sendiri bagaimana yang dilakukan oleh mereka pada masa ini oleh kerana saya lihat orang yang dapat untung ialah orang-tengah, orang yang pergi ke kampung-kampung membeli getah-getah daripada pekebun-pekebun kecil dan harganya tidak memuaskan. Jadi, kalau dapat saya syorkan supaya pihak yang berkuasa dapat membuatkan satu rancangan yang lebih memuaskan lagi untuk membaiki taraf hidup peladang-peladang ataupun pekebun-pekebun kecil yang di luar bandar.

Seterusnya juga, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit dalam Pecahan-kepala 4—Lembaga Tembakau Negara yang anggarannya tidak kurang dari \$280,000. Saya fikir jika dapat diperbaiki

dari pihak yang bertanggungjawab menukarkan tanaman tembakau ini kepada tanaman yang boleh mengenyangkan perut. Oleh kerana tembakau ini sudah cukup jelas. Kami sentiasa mengetahui bahawa tembakau ada juga jahatnya iaitu boleh menimbulkan penyakit lung cancer ataupun penyakit barah paru-paru. Saya bukan seorang doktor, tetapi ada repot yang pernah dibuat oleh saintis bahawa orang yang menghisap rokok ini mudah sahaja kena lung cancer dan juga jikalau dapat perkara ini ditukarkan dengan tanaman yang boleh mengenyangkan perut seperti kata saya tadi, tanaman sayur-sayuran ataupun buah-buahan, membuat kolam ikan, memelihara ayam-itek dan sebagainya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sendiri ada hisap rokokkah?

Tuan Luhut Wan: Saya tidak menghisap rokok, kerana saya tahu ini tidak mengenyangkan perut (*Ketawa*) dan ada juga bersabit dengan pengajaran Tuhan tentang perkara ini. Oleh kerana Tuhan telah mengatakan janganlah kamu memakan perkara yang tidak mengenyangkan, walaupun Tuhan tidak menyentuh perkara ini dengan jelas jangan menghisap rokok, tetapi sudah terang Tuhan mengatakan jangan memakan makanan yang tidak mengenyangkan perut. Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil tindakan yang lebih tegas tentang perkara ini supaya jangan dari kanak-kanak kecil lagi menghisap rokok, nanti sesudah itu dibuangkan rokok dan diambilnya pula ganja dan sebagainya. Saya memang percaya dari perkara yang seperti ini berjangkit-jangkit kepada perkara yang tidak kita ingini dalam negara kita Malaysia.

5.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama terutama sekali dibawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 1—Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah. Saya mengucapkan terima kasih tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ini yang mana tanaman getah telah dapat diluaskan ataupun dibanyakkkan di negara kita ini yang bertujuan untuk menambahkan pendapatan

pekebun-pekebun kecil. Cuma yang ingin saya sebutkan ialah tentang kejayaan mengeluarkan hasil setelah tanaman semula getah itu dijalankan oleh pekebun-pekebun kecil kerana saya nampak walaupun kita telah banyak mengadakan ataupun membuat usaha menanam semula di peringkat pekebun-pekebun kecil, namun pendapatannya masih tidak begitu banyak. Ini disebabkan oleh penjagaan dan pengawasan oleh pihak pekebun-pekebun kecil yang menjalakan usaha itu tidak memuaskan. Ada setengah-setengah daerah di mana mereka ada mempunyai kebun-kebun getah seluas lima atau enam ekar dan setengahnya telah ditanam semula dengan getah, tetapi masih belum mencukupi untuk menyara hidup mereka sendiri hasil daripada kebun mereka itu. Saya rasa usaha ini kurang berjaya walaupun kejayaan tanamannya saya akui tetapi hasilnya kurang. Sebab itulah kita dapati tanaman di mana-mana sahaja apabila ada ladang-ladang yang dibuka oleh pihak perbadanan Kerajaan, maka berebut-rebutlah pekebun-pekebun kecil ini pergi mencari kerja dan membuat kerja di ladang yang sama, iaitu getah juga.

Saya cuba membuat kajian dalam hal ini dan saya dapati bahawa mereka lebih gemar bekerja dengan ladang-ladang yang dibuka oleh Kerajaan walaupun mereka ada mempunyai tanah getahnya sendiri, dengan sebab ada jaminan bekerja di sana, sedangkan bekerja dengan getah sendiri hasilnya tidak mencukupi. Saya berharap kepada pihak Kementerian ini supaya mengkaji dalam hal ini apakah kejayaannya di masa yang lalu itu? Kalau dikaji dengan sungguh-sungguh saya rasa kita akan berjumpa dan bertemu di mana hasil ataupun natijahnya kepada apa yang kita buat itu. Saya bimbang setelah kita keluaran wang dengan begitu banyak mencurah ke kampung-kampung untuk tanaman semula, tetapi rakyat di luar bandar, pekebun-pekebun kecil masih setakat itu juga. Ini saya rasa hasrat kita tidak akan berjaya. Apakah perlu kita kaji agar pekebun-pekebun kecil ini dijadikan satu group, satu estate yang dikendalikan oleh Kerajaan? Apakah ini lebih baik atau tidak. Misalnya, satu kampung ataupun satu mukim yang ada mempunyai hingga 200 ekar, tiap-tiap seorang mempunyai 3 ekar, 4 ekar atau 6 ekar, adakan baik dicantumkan dengan dikelolakan oleh satu badan atau

tidak? Ini perlu dikaji. Saya minta supaya hal ini dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu jangan pula terjadi sebagaimana yang dibuat baru-baru ini, iaitu tanam secara kumpulan dengan diminta pihak pekebun-pekebun kecil itu tandatangan dan serahkan bantuan sebanyak \$900 itu kepada kontrektor sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi, itu memang benar. Setelah diberi kepada kontrektor, kontrektor minta pinjaman wang daripada MARA pula untuk menjalankan kerja ini dan dapat bantuan daripada pihak RISDA sehingga syarikat kontrektor itu mempunyai wang beratus ribu ringgit, tetapi kerjanya tidak berjaya, wangnya lesap, bantuannya pula telah diambil. Sudahlah begitu, pihak RISDA sendiri yang hendak mengambil tindakan kepada pihak kontrektor itu menghadapi beberapa masaalah, sehingga hendak mendapatkan tandatangan daripada pihak kontrektor untuk menyerahkan balik kuasa itu kepada RISDA pun berpanjangan, sebulan demi sebulan sehingga kadangkadang berlaku pergaduhan antara pihak pekebun kecil dengan pihak pegawai RISDA. Kejadian seperti ini berlaku di beberapa tempat dan ada satu tempat kalaulah kerana tidak ada usaha-usaha tanam tembakau di kampung itu, maka saya rasa mungkin keadaan penduduknya susah. Saya hendak katakan betul-betul lapar nanti tidak betul tetapi susah dengan sebab semua getah di kampung itu telah diserahkan kepada pihak kontrektor untuk mereka menjalankan proses tanam semula, tetapi kontrektornya gagal. Apakala gagal kontrektor terus meninggalkan mereka. Apa yang mereka buat selama ini hanya bergantung kepada getah di situ. Sekarang apa yang mereka boleh buat kalau mereka sendiri membuat kerja sebagaimana yang lalu bantuan sebanyak \$900 itu dapat untuk poketnya sendiri walaupun kerjanya gagal. Sekarang ini bantuan itu dapat kepada kontrektor. Mereka tidak mendapat apa-apa—kosong. Perkara ini pernah saya membawa kepada pihak yang berkenaan walaupun tindakan akan diambil tetapi sehingga hari ini saya dapati keadaannya masih belum berjaya. Pihak Wakil-wakil Rakyat khasnya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kalau daripada Trengganu memang terasa benar kesannya dengan sebab rakyat marah kepada wakil rakyat dan juga marah kepada Kerajaan. Jadi, saya minta kepada

pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengkaji hal ini dengan sungguh-sungguh dan ambil tindakan dengan secepat secepatnya.

Masaalah yang kedua pula ialah wang itu telah diberikan kepada kontrektor, bagaimana pula untuk menguruskannya, memproses tanam semula. Adakah wang yang telah diserahkan kepada kontrektor itu diminta balik ataupun bagaimana, ataupun lepas begitu sahaja. Perkara ini pihak Kementerian mesti mengkaji dengan sebenar-benarnya ataupun tindakan undang-undang mesti diambil kepada kontrektor itu. Ini berlaku di mana-mana, bukan sahaja di Trengganu. Saya rasa di Johor dan di Selangor pun mungkin terjadi juga. Saya memuji langkah Kementerian ini menyusun semula seluruh pentadbiran Kementerian ini ataupun pentadbiran pihak RISDA yang mana pegawai-pegawai di Johor ditukar ke Trengganu, yang di Trengganu ditukar ke Kedah dan yang di Kedah ditukar ke lain tempat. Seluruh jentera ini diproses. Saya puji dan saya mengucapkan terima kasih. Tetapi tindakan mesti juga diambil kepada pegawai-pegawai yang telah menyeleweng mengenai perkara ini. Sebabnya pihak kita, orang parti ataupun wakil rakyat sedikit-sebanyak mengatakan daripada awal lagi bahawa cara pihak pegawai yang berkenaan berkawan rapat dengan kontrektor setiap masa adalah tidak menyenangkan, samada secara langsung atau tidak langsung bias-bias libatan kewangan itu ada. Saya rasa kalau tidak mahu ambil tindakan kasar, tindakan halus mesti juga diambil.

Masaalah yang ketiga yang saya ingin sebutkan di sini ialah berkaitan dengan penjualan getah. Sekarang ini pihak Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah telah mengambil-alih semua kuasa yang ada pada Negeri untuk mengeluarkan lesen getah. Mungkin ini satu jalan yang baik setelah dikaji dan saya bersetuju dengan perkara yang baik seperti ini. Tetapi masaalah yang timbul ialah nasib peniaga-peniaga getah bumiputra di kampung-kampung. Pada masa dahulu mereka boleh berniaga dan mencari nafkah dengan perniagaan getah kecil-kecilan, tetapi sekarang langsung tidak boleh kerana pertama sekali susah untuk mendapatkan lesen dari Kuala Lumpur. Pada masa dahulu mereka pergi ke Pejabat Daerah hanya memohon kepada Penolong Pegawai Daerah

bolelah mereka mendapat lesen getah, dan kalau dikenakan bayaran pun tak banyak. Sekarang tentang masalah bayaran lesen saya tak berasa musykil tetapi masalahnya yang besar ialah jauhnya perhubungan dengan Kuala Lumpur dan kelulusan itu sangat lambat pula. Jadi peniaga getah bumiputra yang kerdil-kerdil itu sekarang membuat sungutan dalam hal ini.

Yang Kedua, masalah pihak Lembaga ini membeli getah di kampung-kampung dengan lori. Jadi, dari satu segi memang baik, iaitu kita menaikkan harga getah di kampung-kampung iaitu orang kampung boleh menjual secara langsung kepada Lembaga, tetapi dari satu segi lain kita membunuh peniaga kecil bumiputra yang ada di kampung itu. Alangkah baik kalau setiap satu daerah atau mukim Lembaga membeli getah daripada peniaga kecil supaya peniaga kecil dapat hidup dan orang kampung boleh jual kepada peniaga kecil dan peniaga kecil boleh jual kepada Lembaga. Sekarang ini Lembaga sendiri pergi membeli getah ke kampung dengan secara langsung membunuh peniaga-peniaga kecil getah khususnya bumiputra.

Saya ingin menyebut juga berkaitan dengan kayu-kayan. Saya ingin menyebut di sini ialah saya nampak dalam hal kayu-kayan ini banyak kita dapat hasil daripadanya dan juga bumiputra kita banyak terlibat dengan perusahaan ini. Saya nampak, Tuan Pengerusi, Lembaga ini sekarang telah menjalankan kerja yang begitu berjaya dan saya memuji langkah yang dijalankan oleh pihak Lembaga ini dengan mengeluarkan pamphlets, majalah atau siaran khususnya kepada bumiputra untuk menjalankan usah-usaha perindustrian ini samada impot-ekspot dan sebagainya. Ini satu-satu langkah yang baik. Cuma yang ingin saya sebut di sini ialah kedudukan sekarang walaupun ada usaha seperti itu, tetapi bumiputra masih tidak menjalankan perusahaan perindustrian, kalau ada terlampau sedikit. Ini disebabkan oleh kerana tidak ada keseimbangan antara galakan Kerajaan untuk bumiputra berniaga dalam bidang perindustrian dan cara pihak Kerajaan Negeri menjalankan polisi pengeluaran perindustrian. Ini satu perkara yang saya rasa perlu diambil perhatian. Kedudukannya sekarang, misalnya, mengenai kilang papan, sebahagian besar negeri-negeri menutup permintaan untuk mendirikan kilang papan. Tetapi pihak Kerajaan menggalakkan pengeluaran kayu yang telah diproses. Jadi, bumi-

putra menjalankan kerja balak atau kerja kayu yang dapat punggah kayu daripada hutan hendak jual kayu kepada pengilang-pengilang itu tetapi selalu pengilang-pengilang menipu mereka dengan berbagai potongan dan pada setengah jenis kayu seperti kayu kapur tak mahu dibeli langsung dan sebahagian besar pemilik-pemilik kilang papan itu bukan daripada bumiputra. Kalau ada pun hanya nama bumiputra sahaja tetapi yang menjalankan pengurusan dan sebagainya bukan bumiputra. Alangkah baik pihak Lembaga ini membuat penyesuaian dengan Kerajaan Negeri supaya bumiputra dapat benar-benar menceburkan diri dalam bidang ini samada dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan bumiputra dan Lembaga ini boleh memberikan nasihat. Ini perlu difikirkan oleh pihak Lembaga, saya hanya mengemukakan pendapat untuk tindakan Lembaga pada masa hadapan.

Saya ingin menyebut sedikit lagi berkaitan dengan tembakau. Sekarang ini perusahaan tembakau ini memang perusahaan yang besar seperti juga tanaman padi dan bidang perindustrian, saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Tembakau Negara (L.T.N) yang dapat menolong pengusaha tembakau samada pegawai atau penanam sehingga dapat mengeluarkan hasil sebanyak 16 juta paun pada tahun 1974. Oleh sebab 14 juta paun dikeluarkan daripada Kelantan dan Trengganu maka kami adalah paling banyak terlibat dalam bidang ini. Saya nampak pengawasan pihak L.T.N. kepada pegawai dan penanam kurang berkesan, kerana kita dapati sekarang kadang-kadang penanam menanam dengan baja yang bermacam-macam. Pegawai pula tidak boleh memberi nasihat yang baik kepada penanam. Pegawai juga membeli daun daripada penanam dengan potongan yang terlampau terhad kerana grednya rendah dan sebagainya. Ini melibatkan perasaan sedih di kalangan penanam. Pegawai begitu juga kerana mereka membeli daun yang ditaruh baja yang tak sesuai, apakala disalah maka daun itu luruh. Siapa yang bersalah? Saya tak mahu mengatakan semua bersalah, cuma saya minta L.T.N mengawasi kedua pihak supaya penanam dan pegawai dapat hasil memuaskan.

Mengenai masalah polisi pihak L.T.N meluluskan ban atau bangunan pegawai tembakau dengan pihak Jawatankuasa

Kemajuan Perusahaan Negeri selalu ber-canggih. Pihak Jawatankuasa Kemajuan Negeri menggunakan satu cara, L.T.N membuat cara lain, misalnya, di Trengganu sekarang ini peraturan yang dibuat supaya jarak di antara satu ban dengan ban lain mesti tak kurang daripada tiga batu. Jadi ban itu terpaksa jauh-jauh sedangkan masalah ban adalah lain dari masalah penanam. Alasan yang diberikan kerana kurang penanam. Tetapi ban lebih. Kita berpendapat bahawa ban itu boleh berhampiran sebab penanam bukan mesti duduk di satu-satu ban. Penanam boleh tinggal sejauh 6 batu sebab pengawit tembakau boleh menyewa lori, van dan motokar dan sebagainya untuk mengambil tembakau di tempat penanam itu. Jadi kalau mengadakan syarat mesti sejauh 3 batu bukankah itu menyusahkan orang yang ada semangat untuk menegakkan ban, kerana tak boleh lagi. Sebab sudah ada. Satu bandar kecil misalnya Dungun, Kemaman, Marang berapa batu sahaja. Kalau 3 batu ertinya satu bandar hanya satu sahaja boleh didirikan, jadi timbullah masaalah dia monopoli. Semua orang hanya terpaksa menjual kepada

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat, sila duduk masa saya bercakap. Saya nampak tadi ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, jadi saya cuma hendak hadkan Ahli Yang Berhormat bercakap 3 minit sahaja lagi. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa 3 minit cukup. Saya minta kepada pihak Kementerian melalui L.T.N supaya mengkaji hal ini dan membuat perkiraan dengan Kerajaan Negeri semula samada perkara ini boleh diubah sedikit ataupun dilebarkan sedikit kerana kehendak-kehendak orang memerlukan cara ini mesti diubah dan saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri dan pihak pegawai-pegawai di L.T.N tentu boleh mengkaji hal ini dengan lebih baik demi untuk faedah penanam, bukan pengawit sahaja untuk mengelakkan daripada monopoli, sebab kalau monopoli, maka dia sedap sangat potong sahaja jadi grednya rendah. Inilah yang saya harap pihak Kementerian yang berkenaan ambil tindakan.

5.22 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Utama di bawah Kepala P. 19 yang berjumlah \$35,654,339. Dengan adanya Kementerian Perusahaan Utama ini akan terus berusaha bagi mendapatkan hasil-hasil yang memuaskan bagi faedah negara.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka menyentuh sedikit-sebanyak mengenai dengan tembakau. Oleh kerana boleh dikatakan mulanya berkembang

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat, saya minta pada masa Ahli Yang Berhormat sedang bercakap menghadap kepada Tuan Pengerusi dan kalau boleh jangan membaca, sekali-sekali hendak tengok rojok kepada catitan itu saya benar-nan. Sila sambung!

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Boleh dikatakan mulanya berkembang penanaman tembakau itu di Negeri Kelantan yang mana pihak MTC membuat eksperimen di Kelantan sejak tahun lima puluhan dan berakhir pada tahun enam puluhan dan di masa itu MTC membuat cara monopoli, kemudian Rothmans mula masuk membeli di Kelantan pada tahun 1968 melalui agen-agen dengan harga \$5.10 satu paun. Oleh kerana Rothmans mula membeli maka orang-orang perseorangan mula membuka ban-ban secara besar-besaran. Kemuncak pada tahun 1972 kerana terlampau banyak pihak-pihak pengilang rokok mula memainkan peranannya, maka terjadilah satu peristiwa bakar daun. Selepas daripada peristiwa itu barulah Kerajaan menubuhkan Lembaga Tembakau Negara (K.T.N) supaya dapat mengawasi harga dan menentukan kawasan dan banyaknya yang dikehendaki oleh pembeli-pembeli. Semenjak daripada itu di Negeri Kelantan telah masyhur dengan tanaman tembakau. Kalau kita lihat penanaman tembakau ini ditanam bukan sahaja di tanah-tanah yang lapang tetapi di sekeliling rumah pun ditanam dengan tembakau kerana hendak menambah hasil pendapatan mereka. Hasil daripada pendapat mereka pada tiap-tiap tahun boleh dikatakan \$40 juta hasil daripada penanaman itu diperolehi oleh rakyat dalam masa setahun, boleh dikatakan lebih daripada hasil Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu sekarang pada tahun 1975 ini permohonan daripada pengilang-pengilang rokok ialah sebanyak 20 juta paun untuk memenuhi keperluan. Lembaga Tembakau Negara menggalakkan pengilang-pengilang rokok memajukan kawasan-kawasan pembangunan, seperti di Negeri-negeri Trengganu, Pahang, Kedah, Perlis, Melaka, Negri Sembilan dan Johor yang mana dijangka pihak pengilang rokok memerlukan sebanyak 26 juta paun tembakau pada tahun 1976. Dengan secara yang berluas-luasan pada hari ini maka timbullah di kalangan penanam-penanam tembakau, khasnya di Negeri Kelantan yang mana pihak pengawit tidak lagi dapat membeli daun-daun tembakau yang ditetapkan seperti dahulu lagi oleh sebab pihak L.T.N memotong quota-quota yang diberi kepada pengawit-pengawit itu separuh daripadanya.

Di sini saya percaya dengan banyaknya penanam-penanam tembakau di tiap-tiap negeri sudah tentu akan merugikan petani-petani kita walaupun pihak L.T.N menetapkan harganya \$4.75 satu paun, sebab penanaman tembakau telah begitu banyak, lebih daripada yang dikehendaki oleh pembeli-pembeli sudah tentu rakyat akan menanggung kerugian. Sungguhpun L.T.N ada pada hari ini tetapi nampaknya pihak Lembaga selalu menerima syor-syor daripada pihak MTC dan LTDC sedangkan mereka ini ada kepentingan diri.

Tuan Pengerusi, saya telah diberi faham bahawa Lembaga akan mengadakan pembelian secara lelong yang secara ini ada dibuat di negeri-negeri seperti di Amerika dan sebagainya, tetapi di negeri Amerika ramai pembeli-pembelinya hingga sampai beribu-ribu orang, tidaklah seperti kita di Malaysia ini cuma ada 2-3 orang sahaja yang menjadi pembeli-pembeli tembakau. Oleh itu, saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan menimbang semula cara pembeli lelong ini, kerana tidak akan memberi keuntungan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Kementerian ini kalau dipandang pada mula-mulanya pihak-pihak pembeli sanggup membeli dengan harga \$5.10 satu paun dan pada masa itu pula M.T.C. dan L.T.D.C. sanggup mengimpot tembakau dari luar negeri dikenakan cukai sebanyak \$9 pada satu paun. Boleh dikatakan lebih kurang

hampir \$15 satu paun sedangkan pada ketika itu rokok yang dijualnya dengan harga 90 sen dan 45 sen satu bungkus, tetapi pada masa sekarang harga rokok sudah naik kepada \$1.10 satu bungkus dan tembakau yang dibeli dengan harga \$4.75 satu paun ini saya rasa lebih murah lagi dari masa itu. Kenapa tidak bolehkah pihak M.T.C. dan juga L.T.D.C. menambahkan sedikit harga pembelinya, misalnya, \$1 pada satu paun yang diberi kepada penanam-penanam. Jika-laulah diberi kenaikan \$1 pada satu paun untuk penanam-penanam, saya rasa penanam-penanam tembakau pada hari ini merasai satu benda yang turun dari langit, tetapi saya rasa kepada pengilang ialah perkara kecil sahaja.

Tuan Pengerusi, di sini saya syorkan supaya pihak Kementerian memberi kuasa pembeli kepada Lembaga ini supaya dapat pihak Lembaga ini mengawasi harga-harga supaya tidak tertindas oleh pihak pengilang-pengilang rokok pada hari ini. Dengan ini juga saya harap pihak Kementerian mengadakan pakar-pakar, orang-orang yang berpengalaman di dalam Lembaga ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat jangan pandang kepada Menteri, tetapi pandang kepada saya (*Ketawa*).

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Saya sudah pandang, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sila sambung!

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Dengan adanya orang-orang yang berpengalaman di dalam Lembaga ini saya rasa akan dapat mengatasi lagi kesulitan-kesulitan yang telah dihadapi oleh petani-petani dan juga pengawit-pengawit kita pada hari ini yang mana pada hari ini boleh dikatakan berlakunya semasa untuk hendak menentukan gradungnya yang mana pihak pembeli melihat sahaja dengan mata dan merasa dengan tangan dan cium bau sahaja. Inilah caranya dia menentukan gred-gred pada hari ini. Dengan adanya pakar-pakar kita yang berpengalaman dapatlah pihak Lembaga ini menentukan dan dapatlah mengatasi perkara-perkara yang dihadapi pada hari ini.

4.30 *ptg.*

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh Kepala P. 19, Pecahan-kepala 15, muka surat 132 bagi Sarawak untuk Penanaman Semula Getah yang mendapat peruntukan \$500,000. Walaupun peruntukan yang ada ini ditentukan atas penanam semula getah sahaja bagi projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua bagi bantuan subsidi yang terakhir, seperti yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan waktu membentangkan Belanjawan ini. Walaupun begitu, tanggungjawab Kementerian ini adalah meliputi hampir semua hasil-mahsul yang diekspot keluar negeri yang menjadi sumber pendapatan ekonomi negara. Bagi Negeri Sarawak pengeluaran kayu balak atau kayu gergaji, lada hitam, getah dan minyak kelapa sawit, kelapa kering dan lain-lain lagi yang boleh disifatkan sebagai bahan-bahan utama. Oleh yang demikian, sudah semestinya tanggungjawab Kementerian ini tidak ditumpukan kepada rancangan menanam getah sahaja seperti peruntukan yang ada ini. Patut juga di bidang-bidang yang lain memberi perhatian yang sama bagi kemajuan pemasaran bahan-bahan utama di Negeri Sarawak, umpamanya membuat penyelidikan, memproses cara moden seperti kayu-kayan, getah atau tepung sagu dan banyak yang lain lagi supaya segala bahan-bahan utama yang dikeluarkan dari negara kita ini dapat mutu yang baik seperti yang dikehendaki oleh pasaran dunia di samping mendapat harga yang tinggi bagi faedah rakyat dan negara.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini tidak sebesar yang dikehendaki oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar tetapi tugas dan tanggungjawabnya adalah berkaitan di antara kedua-dua Kementerian ini. Seperti yang terdapat di Sarawak penanaman semula getah adalah di bawah tabiran Jabatan Pertanian Negeri, begitu juga lada hitam, kelapa dan lain-lain bagi bahan-bahan utama sumber pertanian. Oleh yang demikian, sukacita saya mengetahui adakah dasar ataupun tujuan Kementerian ini setakat memberi peruntukan bagi penanaman semula getah di Sarawak atau adakah cadangan memberi bantuan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga kepada pekebun-pekebun kecil tembakau dan nenas di seluruh

negeri di dalam Malaysia, ataupun cuma ditumpukan kepada Lembaga atau pihak tertentu sahaja? Di bahagian pemasaran kayu-kayan pula seperti yang kita ketahui adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini, samada di dalam atau di luar negeri. Seperti yang telah diterangkan oleh Kerajaan dalam kempen menggalakkan lebih luas penggunaan kayu-kayan untuk membina rumah tempatan, adakah ini meliputi semua negeri di dalam Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah?

Pada akhirnya, saya berharap Kementerian ini membuat segala usaha yang lebih giat lagi bagi menentukan bahan-bahan utama yang memang sedia ada di negara kita ini supaya dapat dihantar kepada negara-negara lain dengan mutu dan nilai harga yang berpatutan serta juga dapat mengurangkan persaingan yang hebat sekarang ini.

5.35 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang wakil daripada kawasan pertanian suka menyentuh di dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, di bawah Kepala P. 19, Pecahan kepala 1, Aktiviti

Tuan Azahari bin Md. Taib: Muka surat berapa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Muka surat 132, Pecahan-kepala 1, 3 dan 4, Tuan Pengerusi.

Saya mengalu-alukan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian ini di dalam mengawal dan melindungi perusahaan-perusahaan getah, nenas, tembakau dan lain-lain yang terletak di bawah Kementerian ini. Tetapi di dalam Pecahan-kecapan-kepala yang saya sebutkan tadi tidak saya terlihat satu-satu langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk mengambil dan melindungi perusahaan kelapa (nyiu). Saya hendak mengetahui daripada Kementerian yang berkenaan mengapa, jika benar-benar kelapa ini di bawah istilah bahan utama, tidak ada peruntukan-peruntukan untuk melindungi, baik pun dari segi harga ataupun mengkaji cara-cara kelapa ini boleh dirancarkan lagi penggunaan-penggunaannya untuk menambah hasil pendapatan luar bandar. Kalau pada

sepintas lalu, kita lihat segala langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam melindungi perusahaan-perusahaan getah ini, adalah untuk melindungi kaum-kaum kapitalis, kaum-kaum pemodal yang besar-besarnya sahaja, kerana kebanyakan daripada tuannya-tuannya ladang-ladang getah, ladang-ladang kelapa sawit, bijih timah, logam-logam besi dan sebagainya adalah daripada kaum-kaum pemodal yang besar; tetapi saya mengerti bahawa perlindungan-perindungan yang dibuat oleh Kementerian ini adalah kerana getah, kelapa sawit, bijih timah adalah menjadi tulang-belakang ekonomi negara kita dan, selain daripada itu, beribu-ribu pekerja-pekerja dapat peluang bekerja di dalam perusahaan-perusahaan yang saya katakan tadi. Maka dengan sebab itu, pihak Kementerian mengambil langkah melindungi, mengawasi, mencari jalan supaya harga-harga bahan-bahan ini dapat dikawal, dapat dijamin. Tetapi saya mengingatkan kepada Kementerian ini, di samping mengawal perusahaan-perusahaan yang besar ini, jangan pula lupakan kelapa kerana nyiur adalah satu perusahaan yang kebanyakannya dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil.

Jadual II, muka surat 218 dalam buku Anggaran Belanjawan, 1976 ada menyenaraikan sembilan Badan-badan Berkanun yang ada di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Tuan Pengerusi, apa yang mendukacitakan ialah tidak ada satu badan pun yang mewakili kelapa. Ada Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah; ada Pusat Penyelidikan Getah Malaysia; ada Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia; ada Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Pekebun-pekebun Kecil Getah—semuanya getah sahaja. Begitu juga ada Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Perusahaan Bijih Timah; ada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia; ada Lembaga Industri Nenas Malaysia dan ada pula Lembaga Tembakau Negara, tetapi kelapa tidak ada.

Di dalam membentangkan peruntukan Menteriannya, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ada menerangkan, di antara lain-lain, bahawa bahan utama yang ada di bawah Kementerian beliau termasuk kelapa; kelapa kering dan minyak kelapa semuanya termasuk dalam Menteriannya. Di dalam Jadual Pertama iaitu muka surat 217 Buku Anggaran Belanjawan, 1976 ada Menteriannya menunjukkan angka-angka

pengeluaran minyak kelapa dan juga jualan minyak kelapa pada tahun 1974. Saya percaya kalau Menteriannya adakah satu Lembaga, satu badan ataupun satu majlis yang mengawasi dan mengawal perindustrian kelapa, angka yang ada di dalam Jadual itu akan bertambah. Kalau angka itu bertambah; angka pengeluaran begitu juga angka penjualannya, bermakna bertambah pula pendapatan orang-orang luar bandar. Jadi, saya memohonlah kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat berkenaan industri kelapa ini, dan saya cadangkan di sini, tubuhkan satu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Perusahaan Kelapa sebagaimana juga getah, nenas dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka menyentuh di sini ialah berkenaan dengan pemasaran. Sungguhpun FAMA yang mempunyai tugas memasarkan hasil-hasil luar bandar, tetapi FAMA letaknya di dalam Kementerian yang lain. Saya berharap kepada Kementerian Perusahaan Utama dapat bekerja rapat dengan FAMA agar kerumitan pemasaran kelapa, kelapa kering ataupun minyak kelapa itu dapat dicari satu-satu jalan mengatasinya. Pada masa sekarang harga kelapa kering dan minyak kelapa tidak ada jaminan. Hari ini harganya sekian-sekian, besok sudah berlainan, lusa nun turun ke bawah sekali, mengikut sesuka dibuat oleh orang-tengah dan ini mendatangkan beberapa kesusahan kepada orang-orang luar bandar. Jadi dengan adanya kerjasama di antara FAMA dan Kementerian yang saya katakan tadi, insya Allah kalau Menteri sedar dapat kita atasi perkara ini.

Apa yang saya akan sentuh sekarang, Tuan Pengerusi, adalah satu perkara yang lain iaitu satu perkara kerjasama di antara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri. Barangkali pihak Kementerian boleh mengatakan, apa yang saya hendak sampaikan bukan di bawah Menteriannya. Saya di sini mengatakan bahawa banyak di dalam Kementerian Perusahaan Utama ini bahan agriculture. Misalnya getah bahan agriculture, kelapa bahan agriculture, kelapa sawit bahan agriculture. Mengapa bahan-bahan agriculture masuk Kementerian Perusahaan Utama? Jadi, apa yang saya hendak sentuh ini ialah kekurangan kerjasama di antara Kementerian dengan badan-badan yang ada di negeri-negeri. Misalnya, di Negeri Selangor, ada satu badan yang dipanggil dengan nama

Perbadanan Kemajuan Pertanian dan Perusahaan Utama. Badan ini, Tuan Pengerusi, telah dapat satu kawasan di Bukit Cheraka di Kuala Selangor 1,000 ekar kononnya untuk menanam pokok-pokok buah-buahan seperti ciku dan lain-lain untuk ditinkan dan dijual. Ini barangkali ada termasuk di dalam portfolio ataupun kuatkuasa Kementerian Perusahaan Utama. Kalau sesudah buah ini ditinkan maka sudah jadi satu industri. Jadi, hendaklah Kementerian ini mengawasi usaha-usaha, aktiviti-aktiviti badan-badan di negeri, yang ada kaitan dengan perusahaan utama, kerana sudah didapati satu penyelewengan yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Perusahaan Utama di Negeri Selangor. Rakyat dahaga dan kekurangan tanah; 1,000 ekar tanah diberi kononnya kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian atau Perusahaan Utama di Negeri Selangor ini berjoint venture dengan satu syarikat swasta; nama syarikat swasta itu tidak eloklah saya sebutkan di sini, tetapi joint venture 55% Perbadanan dan 45% pihak swasta. Tetapi apabila dibangkitkan dalam mesyuarat didapati bahawa Perbadanan sudah tidak hendak meneruskan joint venture ini disebabkan beberapa perkara yang tertentu, dan pihak swasta ini sesudah dapat 1,000 ekar tanah itu; belum lagi pihak Perbadanan masuk joint venture ini, papan-papan tandanya sudah dibuat dan saya sendiri dihubungi oleh kontrektor-kontrektor itu, samada saya, sebagai wakil rakyat di Kuala Selangor, mengetahui akan rancangan-rancangan ini. Bila dibawa kepada perhatian Pegawai Daerah Kuala Selangor beliau sendiri tidak tahu perkara ini terjadi. Jadi, Tuan Pengerusi, ini saya anggap adalah satu penyelewengan kerana sudah didapati bahawa pihak swasta ini sudah membuat pakatan dengan kontrektor supaya harga untuk meratakan tanah, memotong hutan belukar dan sebagainya; kalau satu ekar xy ringgit dinaikkan xyz ringgit di manakah dan siapakah bertanggungjawab, bukan saya yang bertanggungjawab

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sila duduk dahulu, Ahli Yang Berhormat. Saya cuma hendak memberi masa kepada Ahli Yang Berhormat dua minit sahaja kerana saya nampak ada Ahli-ahli yang lain hendak bercakap dan saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap kemudian daripada ini supaya jangan mengulang balik perkara-perkara yang sudah dibangkitkan

oleh sahabat-sahabat kita sebelum daripada kita bercakap. Saya akan menghadkan masa tidak lebih daripada 10 minit kerana pada hari ini juga kita kena selesaikan Belanjawan Kementerian ini, Sila!

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya patuh, Tuan Pengerusi. Jadi bagi memendekkan kata saya haraplah Kementerian yang berkenaan bekerja rapat dengan badan-badan yang ada di negeri-negeri supaya penyelewengan-penyelewengan ini tidak berlaku.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

5.48 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, bercakap di bawah tajuk Kementerian Perusahaan Utama di bawah Kepala B. 19, ingin saya menyatakan bahawa secantik-cantik gading itu tentu juga ada retaknya. Sifat makhlok yang baharu ini tentu ada cacatnya melainkan Nabi dan Malaikat sahaja yang tidak ada cacat. Demikian juga Kementerian ini yang barangkali dipenuhi dengan pakar-pakar dengan diploma-diploma yang tinggi walau apa yang dirancang itu baik, tetapi tentu juga ada kecacatannya yang boleh pihak Dewan ini menolong untuk membaiki, di atas asas itulah saya bercakap di dalam tajuk ini. Berjuta-juta ringgit di masa-masa yang lampau, daripada zaman penjajah British dahulu sehingga sampai sekarang ini Kerajaan telah menguntukkan wang yang banyak di dalam penanaman semula getah. Tahun demi tahun wang diberikan kepada rakyat, dan kita masih lagi belum berpuas hati terhadap penanaman semula getah ini yang banyak kedapatan di antara bumiputra yang belum lagi mengikuti hasrat Kerajaan yang ingin menolong supaya mereka mengeluarkan susu getah yang baik. Dan kerana peruntukan yang banyak terdapat dalam peruntukan ini saya sungguh-sungguh mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, kalau kita pandang sekali lalu dalam negara kita ladang-ladang getah yang dipunyai oleh penjajah dahulu, sekarang ini mungkin bertukar nama tetapi masih lagi pekebun-pekebun besar, mereka telah menukarkan penanaman getah itu kepada penanaman yang lain iaitu penanaman kelapa sawit. Tidak ada satu usaha daripada

pihak Kerajaan untuk menyedarkan bumiputra, orang-orang di kampung untuk menukarkan tanaman getah walaupun orang Melayu, bumiputra telah merasai kepedihan, kesedihan yang amat sangat apabila harga getah dahulu jatuh serendah-rendahnya apabila datang zaman kemelesetan beberapa tahun yang telah lalu. Di waktu itu bumiputra menangis oleh kerana kemiskinan. Manakala harga getah telah naik sedikit dengan usaha daripada pihak Kerajaan juga orang Melayu telah lupa, bumiputra telah lupa bahawa nasib mereka akan terjadi lagi sekali keadaan sebagaimana zaman kemelesetan harga getah itu. Tidakkah boleh Kerajaan pada hari ini menggalakkan supaya orang Melayu sedar atas perkara itu dan menukarkan kebanyakannya mahu bertubi-tubi, bersungguh-sungguh hendak menanam getah sehingga tidak mempedulikan penanaman pokok-pokok ataupun tanaman-tanaman yang lain sebagaimana yang dibuat oleh pekebun-pekebun besar pada hari ini.

Jadi, saya sungguh berharap peruntukan yang banyak yang selalu didapati tahun demi tahun itu patutlah diubah dan dipindahkan supaya lebih menggalakkan bumiputra mengambil banyak usaha dalam menanamkan tanaman-tanaman lain, umpamanya, kelapa sawit yang pada hari ini ataupun pada hari esok ataupun lusa akan menjadi satu bahan yang utama. Oleh kerana jentera-jentera akan banyak digunakan di dalam negara kita akan memakai minyak itu makan kelapa sawit tentulah akan dapat harga yang tinggi.

Jadi, saya rasa satu galakan patut diberi kepada orang Melayu atau bumiputra yang hidup di kampung yang ada tanah-tanah kosong yang belum ditanam lagi ataupun tanah lapang iaitu penanaman lada hitam. Lada hitam juga dapat ditanam di Semenanjung kita ini bukan sahaja di Sarawak. Tetapi mengapa soal ini tidak mahu diperdalamkan, dihalusi dan disiasat. Lada hitam pernah ditanam di kawasan seperti di Yen Kedah dan lain-lain tempat. Harga lada hitam memang tinggi di dalam dunia hari ini, begitu juga buah pala.

Harga kulit dalam buah pala pada hari ini beribu-ribu ringgit sepikul. Mengapakah hal ini dipejamkan mata langsung. Tidakkah boleh disiasat dan diberi galakan supaya bumiputra mengambil bahagian. Jadi itulah sebabnya saya rasa perkara ini yang hanya

memperuntukkan lagi banyak wang kepada tanaman getah ini tidaklah sesuai dengan langkah-langkah dalam era baru kita ini.

Saya berharap pihak Kerajaan supaya mengkaji tanah-tanah bukit yang banyak yang berbaja itu dapat dijadikan tanaman lada hitam dan kelapa sawit dan juga pohon-pohon pala dan tanah-tanah pamah seumpama sawah selain daripada tanaman selingan yang dibuat sekarang ini patut juga digalakkan supaya tanaman tembakau dijalankan. Dengan itu barangkali ekonomi orang kita, orang bumiputra di kampung-kampung akan dapat dinaikkan tarafnya.

Tuan Pengerusi: Saya dapat membenarkan dua sahaja lagi Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.55 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu di bawah tajuk Kepala P. 19 dan Pecahan-kepala 1, 2 dan 3.

Tuan Pengerusi, ramai di antara rakan saya tadi telah pun bercakap berkenaan dengan getah, tembakau dan kelapa. Jadi, biarlah saya bercakap mengenai nanas pula oleh kerana nanas adalah satu daripada hasil utama bagi penduduk-penduduk di setengah-setengah tempat terutamanya di selatan negeri Johor. Pada hari ini masalah ini menjadi satu perkara yang hangat terutamanya di kawasan yang saya perkatakan tadi.

Apa yang hendak saya tegaskan di sini supaya Kementerian ini dapatlah memberi perhatian yang lebih besar terutamanya untuk hendak memulihkan semula perusahaan penanaman nanas di kawasan yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana beberapa sebab mungkin usaha-usaha yang dijalankan pada masa yang lalu tidak begitu sesuai menyebabkan penanam-penanam nanas khususnya penanam-penanam atau pekebun-pekebun kecil tawar dan tumpul semangatnya dan akibatnya beberapa kilang terutamanya Kilang Nanas Kebangsaan di Pulau Sebatang dan di Pekan Nanas tidak mendapat bekalan nanas yang cukup, terutamanya kilang nanas

yang kedua di Pulau Sebatang ditutup sementara waktu. Jadi, apa yang saya minta kepada Kementerian yang berkenaan ialah untuk memulihkan semula penanaman nanas terutamanya dalam usaha menanam semula dan dalam perkara ini saya diberitahu oleh penanam-penanam nanas bahawa mereka tidak dapat bantuan ataupun subsidi baja yang menjadi satu perkara penting untuk hendak memperbaiki mutu nanas oleh kerana nanas-nanas yang ada di kawasan tersebut nanas yang telah begitu lama dan buahnya kecil, setengah-setengahnya tidak dapat diproses di kilang-kilang yang ada di kawasan tersebut. Jadi, saya berharap benar-benar supaya perkara ini dapat diambil perhatian.

Begitu juga berkenaan dengan pasaran nanas tin di luar negeri. Saya berharap supaya pihak yang berkenaan khususnya Kementerian ini menjalankan kerjasama yang lebih erat dengan negeri-negeri pembeli nanas tin kita seperti Jepun, New Zealand, Negeri-negeri Asia Barat untuk hendak mengurangkan seberapa yang dapat cukai dan sebagainya dengan tujuan untuk hendak mendapatkan pendapatan yang lebih bagi penanam-penanam nanas ini. Begitu juga dalam menjalankan usaha nanas ini kita juga mendapat persaingan beberapa buah negeri-negeri lain, saya percaya tentulah pihak Kementerian ini berusaha dengan bekerjasama lebih erat lagi untuk menjauhkan persaingan bahkan untuk mencari jalan bersama bagi meninggikan mutu pengeluaran kita dan menaikkan harga nanas di pasaran dunia.

Apa yang saya harapkan di sini iaitu sebagaimana yang telah kita maklum bahawa Menteri berkenaan telahpun menubuhkan satu jawatankuasa kerja untuk mengkaji keseluruhan mengenai perusahaan nanas ini. Apa yang diharapkan supaya jawatankuasa ini dapatlah dengan seberapa segera mengemukakan laporannya dengan tujuan untuk memperbaiki perusahaan nanas seperti yang saya katakan tadi adalah menjadi satu daripada perusahaan utama di negara kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka juga hendak bercakap sedikit untuk menambah apa yang telah diperkatakan oleh rakan saya tadi mengenai dengan perusahaan kelapa. Walaupun perusahaan kelapa ini tidaklah sebesar perusahaan getah atau bijih timah, tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum sebahagian daripada penduduk-penduduk negara kita, khasnya di

pantai-pantai Barat Semenanjung Malaysia ini dan juga di tempat-tempat yang lain adalah menjalankan perusahaan menanam kelapa. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah walaupun perusahaan ini kecil, tetapi dua Kementerian yang menjaganya, iaitu Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menjaga mengenai dengan penanaman semula dan sebagainya dan Kementerian Perusahaan Utama juga yang menjaga mengenai dengan pemasarannya. Ini selalu menimbulkan kekeliruan kepada setengah-tengah pihak bila mengadukan hal mengenai dengan perusahaan kelapa ini, bila berjumpa dengan satu Kementerian, Kementerian itu mengatakan ini bukan tanggungjawabnya dan berjumpa pula dengan Kementerian yang lain pun demikian juga jawabnya.

Saya menyokong cadangan daripada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi supaya satu lembaga ditubuhkan khusus kerana perusahaan kelapa iaitu L.K.N. (Lembaga Kelapa Negara) yang menguruskan keseluruhannya samada mengenai dengan penanaman semula, pemasaran dan sebagainya supaya dengan ini tidaklah perkara-perkara yang saya katakan tadi akan timbul semula. Selain daripada itu, saya juga mengharapkan supaya kita mencari jalan untuk hendak menambahkan lagi kegunaan bahan-bahan daripada kelapa bukan hanya daripada buahnya sahaja, bahkan kita boleh menjalankan usaha-usaha untuk hendak mempelbagaikan penggunaannya samada tempurungnya boleh kita gunakan untuk bahan formica dan sebagainya. Demikian juga daripada sabutnya dan kalau boleh daripada air kelapa pun kita gunakan kerana selama ini perkara-perkara ini tinggal begitu sahaja terbuang membazir tidak dapat digunakan. Saya percaya dan yakin sekiranya perkara ini dapat dijalankan akan menambahkan lagi hasil pekebun-pekebun kecil kelapa di negara kita ini. Begitu juga mengenai dengan pasaran kelapa, pada tahun yang lalu harga kelapa boleh dikatakan melambung tinggi, belum pernah berlaku dalam sejarah negara kita sehingga \$80 atau lebih daripada itu satu pikul. Tetapi sekarang turun balik semula sehingga \$27-\$28 sahaja. Jadi, saya berharap supaya Kementerian ini mencari jalan bukan bermakna kita berkehendakkan harga yang begitu tinggi, tetapi kalau dapat distabilkan supaya pekebun-pekebun kelapa ini dapat

mengecap nikmat dan sesuai dengan keadaan inflasi pada hari ini. Saya juga diberitahu satu daripada sebab harga kelapa merosot ialah kerana kawalan di atas pemasarannya, jadi kalau ini benar saya cadangkan kawalan itu dibukakan dengan tujuan supaya harga kelapa ini dapat setimpal dengan keadaan sekarang.

Mengenai dengan mutu minyak kelapa ini juga saya berharap supaya Kementerian ini mengawal keaslian mutu minyak kelapa, kerana saya dimaklumkan setengah-tengah kilang kelapa menggunakan satu bahan lain iaitu daripada bahan biji kelapa sawit atau kernel dengan tujuan hendakkan keuntungan yang lebih, tetapi mutu minyak kelapa yang asli ini telah dirosakkan dan mungkin dengan sebab itu harga minyak kelapa kita dipasaran antarabangsa menjadi murah. Kalau ini benar saya harap supaya pihak yang berkenaan mengambil perhatian dalam perkara ini dengan tujuan menjaga mutu keaslian dan harganya dapat diseimbangkan bagi faedah penanam-penanam kelapa seperti yang dikatakan tadi.

6.05 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbahasan di atas Kementerian Perusahaan Utama B. 19 dan P. 19 dengan perasaan yang amat sedih kerana kalau dibandingkan peruntukan bagi tahun 1975 lebih tinggi daripada peruntukan tahun 1976. Perbezaannya berkurangan sebanyak \$5,682,997. Saya minta kepada pihak Kerajaan mengkaji semula kerana Kementerian Perusahaan Utama ini adalah satu Kementerian yang baru yang menitikberatkan masalah pembangunan luar bandar dan masalah keadaan negara kita, kerana kita tahu 3/4 daripada negara kita ini masih lagi penuh dengan kayu-kayan, barang-barang pertanian dan sebagainya. Dan saya juga terkenal pada tahun yang lepas dalam ucapan saya meminta pihak Kerajaan memberi keutamaan kepada masalah perumahan agar menggunakan kayu-kayan dan telah mendapat kelulusan, tetapi apa yang saya sedih di dalam Kepala Pembangunan muka surat 132 tidak ada peruntukan penyelidikan mengenai cara untuk menyakinkan orang ramai menggunakan kayu-kayan dalam negara kita.

Pada hari ini kebanyakan orang memahami bahawa kayu yang baik-baik dalam negara kita ini semuanya telah dihantar

keluar negeri, maka yang kurang baik digunakan oleh orang-orang dalam negeri. Dalam perkara ini saya minta Kementerian cuba berikhtiar mencari jalan menghapuskan pemikiran seperti ini supaya penggunaan kayu-kayan dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam negara kita, saya juga meminta kepada pihak Kementerian yang berkenaan berikhtiar membuat penyelidikan mengenai penggunaan kayu-kayan ini dapat dipelbagai-gunakan dalam serba-serbi, bukan sahaja untuk membuat rumah, bahkan untuk membuat perabot yang bermutu tinggi supaya negara kita ini terkenal salah satu hasil keluaran negara ialah kayu-kayan.

Di dalam Buku Anggaran Belanjawan Tahun, 1976, muka surat 212 (b) iaitu berkenaan bahan-bahan utama kayu-kayan, menerangkan: "Kementerian ini adalah bertanggungjawab terhadap aspek-aspek pemasaran kayu-kayan di dalam dan di luar negeri". Apa yang telah saya difahamkan tidak banyak usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian ini masaalah kayu-kayan tidak seperti yang dijalankan ataupun pihak badan-badan yang diadakan oleh Kerajaan mengenai getah tetapi kayu cuma tersangkut sedikit-sedikit sahaja; iaitu pengeluaran perdagangan kayu melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Satu unit Pengelesen Pasaran telah ditubuhkan. Itu sahaja, tetapi tidak banyak, cuma menyebutkan rancangan sahaja di sini untuk menggalakkan penggunaan kayu-kayan yang lebih meluas dalam perumahan tempatan, tetapi tidak ada usaha-usaha yang terbukti dan ternyata apakah sistem-sistem untuk menyakinkan supaya kayu-kayan ini dapat digunakan oleh orang ramai. Maka sebab itulah salah satu daripada sebabnya ialah Kementerian ini sendiri tidak mengambil berat mengenai masaalah kayu-kayan, maka pihak-pihak bank dan badan-badan kewangan pun enggan memberi pinjaman untuk orang-orang yang berpendapatan rendah membuat rumah, kerana Kementerian sendiri tidak mengambil perhatian berat.

Saya berharap Kementerian pada masa akan datang sungguh-sungguh mengambil tahu dalam perkara ini supaya dapat meyakinkan badan-badan kewangan bahawa kayu-kayan yang dikeluarkan dari negara kita ini boleh tahan berpuluh-puluh tahun seperti rumah batu juga kalau kita hendak membuat rumah.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah masaalah nenas. Kita tahu beberapa lapuran iaitu perusahaan nenas kita kerap-kali menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Apa yang saya perhatikan pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan cuma selalu menitik-beratkan nenas ini untuk export keluar negeri, diharapkan orang luar negeri membeli, tetapi kita tidak pernah memikirkan dengan serious bagaimana caranya nenas ini boleh dimakan, diperbagai-gunakan dalam negara, seperti minuman air nenas. Apa salahnya untuk meyakinkan negara asing yang nenas memainkan peranan yang penting dalam negara kita, bahan nenas dijadikan minuman negara, dibotolkan atau dimasukkan ke dalam tin seperti usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak swasta yang lain seperti tomato juice, walaupun dengan harga \$1.00 satu tin yang kecil pun orang ramai sanggup membeli, tetapi nenas belum ada lagi. Kalau adapun secara kecil-kecilan dan tidak merebak. Ini masaalah pemasaran nenas dan di sini juga saya tengok perbelanjaan untuk pembangunan nenas ini pun sedikit juga tidak banyak. Jadi saya mintalah kepada pihak Kerajaan menitik-beratkan nenas ini. Kerana kita semua faham, selain daripada getah, tembakau dan kelapa seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi nenas ini juga menanggung beribu-ribu orang yang mencari makan dalam perkara ini. Jadi, saya berharap sangatlah atas dua perkara itu, Tuan Pengerusi.

6.13 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini semasa perbincangan di peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama. Nampaknya, ada banyak perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama di dalam soal bahan-bahan utama seperti getah, tembakau, kelapa sawit, bijih timah, nenas dan lain-lain. Saya tidak bercadang hendak menjawab tiap-tiap perkara yang telah dikemukakan tetapi suka saya menyentuh perkara-perkara yang saya fikir penting untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris untuk jawapan selanjutnya.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, a lot of Honourable Members have raised the question of commodity prices. Sir, prices of commodities are governed by the supply and demand situation in the world market. If the demand exceeds the supply, prices of commodities will go up; and if it is the other way round, prices will go down. This somehow or other is the fundamental rule governing commodity prices in the world today.

There is no easy way to solve this problem if the demand for such commodities is very weak due to economic recession and other factors. So far, there are a few commodity arrangements which have already been established to counteract such situations. The International Tin Agreement, as a matter of fact, has been a very effective international commodity arrangement which has been geared to stabilise commodity prices.

The mechanisms used to stabilise tin prices are two-fold. The first one is the buffer stock operation, and the second one is the export control measures. These two measures somehow or other seem to be artificial in their operations but are effective enough to uphold stable prices for tin.

Last year, we had experienced very low rubber prices. In order to have stabilised prices, the Government had launched the "national crash programme" and after a lapse of about twelve months we have seen the fruit of such a scheme and I would wish to inform the House that the average noon prices for rubber have been as follows:

November, 1974	...	111.63	c. per kilo
December, 1974	...	130.76	„
January, 1975	...	127.88	„
February, 1975	...	129.5	„
March, 1975	...	125.3	„
April, 1975	...	120.41	„
May, 1975	...	119.4	„
June, 1975	...	122.6	„
July, 1975	...	137.36	„
August, 1975	...	147.73	„
September, 1975	...	142.34	„
October, 1975	...	139.11	„
November, 1975	...	146.89	„

Satisfactory prices of rubber can only be obtained when we resort to reduce production and when we resort to have our own buffer

stock operations. So every sector in the rubber industry has to shoulder such a responsibility. But we do know that the benefits have channelled down to the smallholder sector, and we feel that this is the best way to maintain satisfactory rubber prices for the smallholders sector. So, in contrary to what the Honourable Members for Matang and Ledang said, the Rubber Stabilisation Scheme is, as a matter of fact, a mirror image of the International Tin Agreement.

Tin prices have fallen very sharply from \$1,400 per picul in 1974 to about \$950 per picul in May, 1975. However, it is because of the International Tin Agreement that we have been in a position to prevent the rapid decline of tin prices despite the fact that we had experienced very adverse tin market situations. At the time, there was a surplus of tin in the world market. So, if we do not have the International Tin Agreement, I feel that tin prices will go down very, very rapidly. We must be lucky at this present moment to maintain such prices, but these prices can only be maintained provided that we operate the buffer stock exercise and provided that we cut down our production. Not that we like to do it, but that is the only way to upkeep fair tin prices for the producing countries. All along, our stand has been very clear, that is, to stabilise commodity prices, which are equitable and remunerative to the producers and yet at the same time fair to the consumers. In this respect, we have already done our homework in the rubber stabilisation scheme. We hope that other natural rubber producing countries would participate in this together with us so as to establish an International Rubber Agreement.

Here, I would like to inform the House that the proposed meeting of the A.N.R.P.C. countries which was scheduled to have been held in Bangkok in November has been postponed to December due to the floods in Bangkok. This is something that I would like to clarify because I had made a statement a few days ago that the meeting would be held in Bangkok at the end of November, 1975.

The Honourable Member for Mata Kuching stressed on the establishment of MARDEC and the purposes of such an establishment. He felt that the establishment of MARDEC would defeat the purpose of the Government and it would defeat the objectives of Government's New Economic

Policy. He is very wrong in this respect because MARDEC is one of the vehicles which have been geared to eradicate poverty and also to restructure Malaysia's society. Through its establishment, we are in a better position to uplift the socio-economic standards of the rural people, especially the rubber smallholders. I do not know whether what he said is correct or not—that applications for licences from rubber dealers have been rejected. I ask the Honourable Member for Mata Kuching to write to my Ministry to support such an assertion and we will look into this matter in a more detailed manner.

The principle of free enterprise has always been cherished by our Government, and it is certainly not true to say that MARDEC has been given the monopoly to buy latex from the smallholders. The smallholders do sell their latex or rubber sheets to other private companies. What we are trying to avoid is a wasteful competition and it is in this direction that the M.R.E.L.B. has been established to rationalise the issue of licences to rubber dealers. MARDEC is also in the process of streamlining its operations. Obviously, such a process will take a longer time to realise, but we will try our best to expand our operations. At the present moment, MARDEC can absorb not more than 56,000 tons of rubber for this year, but by 1976, we hope that another six factories will be established to cater for the needs of the rural people and also to raise the income levels of the smallholders. So, I would ask the Honourable Member for Mata Kuching to do his homework and give me an answer, if he has got any, in order to substantiate what he has said in this House regarding the MARDEC set-up.

Mr Chairman, Sir, regarding the replanting of rubber raised by the Honourable Member for Ledang, my Ministry and RISDA are reviewing the Regulations and Acts on replanting of rubber so that any malpractices can be avoided in the future. My Ministry, as a matter of fact, has invited the National Bureau of Investigation to investigate the malpractices involved—at least we have the courage to put our house in order and we hope that in the time to come, RISDA can be administered in a more effective and meaningful way so as to help the rubber smallholders. RISDA has formed a Division called the Inspectorate and Evaluation Division to

ensure that administration of all activities under RISDA is run smoothly to avoid any malpractices.

On the comment made by the Honourable Member for Ledang on the green leaf tobacco, I would like to say that in regard to unfair prices of green leaf received by the farmers, the National Tobacco Board will increase its staff for 1976 and we hope that the sale of green leaf by the farmers will be properly supervised.

I would also like to draw the attention of the Honourable Member that the total number of farmers involved in the tobacco industry is about 120,000, and it is indeed very difficult for the Board to supervise properly unless the farmers concerned can inform or report to the Tobacco Board of any malpractice carried out, should there be any. Here I would also like to take the opportunity to inform the House that Honourable Members can also write to us, so

that we can correct any wrong, so that we can check

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi agaknya?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Ya.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas daripada habis Kementerian Perusahaan Utama hari esok di dalam Jawatankuasa, Majlis akan menimbang B. 21 dan P. 21 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 2hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.